

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV	Bil. 18	Hari Rabu	29 April 1998
----------	---------	-----------	---------------

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997** (Ruangan)

**Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 1998** (Ruangan)

**Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
(Pindaan) 1998** (Ruangan)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)  
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S.,  
A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor  
Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N.  
(Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.  
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.  
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.  
(Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Patch Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)  
Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.  
(Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P.,  
P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K.  
J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan  
Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

“ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

“ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

“ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

“ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

“ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

“ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.  
(Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)  
Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D.,  
J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Puan Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 29 April 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BARANG BUATAN MALAYSIA – KUALITI**

1. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar yang pihak pengilang dan pengeluar barang-barang kegunaan harian, tekstil dan barang-barang konsumer lain membezakan kualiti barang-barang keluaran untuk eksport dan kegunaan tempatan. Kalau sedar, apakah tindakan yang sedang dirancang agar pengguna Malaysia tidak rasa teraniaya kerana membeli barang-barang buatan Malaysia untuk pasaran tempatan yang kurang bermutu; dan
- (b) adakah kementerian sedar dan apakah tindakan yang sedang atau bakal diambil terhadap pengilang atau pengeluar barang-barang tempatan untuk dieksport telah juga menjual untuk pasaran tempatan dengan menyenaraikan harga barang mereka dengan harga Dollar Amerika dan memaksa pembeli yang berminat membayar dalam bentuk Dollar Amerika.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan:

- (a) Barang-barang keluaran tempatan, sama ada untuk dieksport ataupun pasaran tempatan adalah sama dari segi kualitinya. Sehingga ini Kementerian belum mengesan mana-mana pengeluar yang membezakan barangan untuk dieksport dengan barangan untuk pasaran tempatan, kecuali bagi memenuhi spesifikasi tertentu yang ditetapkan oleh negara pengimport. Tindakan untuk memenuhi spesifikasi tersebut tidaklah pula menjejaskan kualiti barangan untuk pasaran tempatan.

Kementerian ini berpendapat bahawa peranan pengguna dalam hal ini adalah lebih penting. Jika pengguna sendiri tidak mahu menerima atau membeli barangan yang kurang berkualiti, maka pengeluar tidak akan mengeluarkan barangan yang kurang berkualiti kerana tidak ada pasaran bagi barangan itu. Ke arah ini, Kementerian ini telah, sedang dan akan terus menjalankan seminar pendidikan pengguna untuk menyedarkan pengguna akan hakikat ini.

- (b) Kementerian tidak sedar tentang adanya pengeluar barang-barang tempatan untuk dieksport yang menjualnya di pasaran tempatan dengan mempamerkan tanda harga dalam Dolar Amerika. Undang-undang mengenai tanda harga yang berkuatkuasa sekarang, iaitu Perintah Kawalan Harga 1993 adalah jelas, iaitu semua tanda harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat dari Batang Lupar bolehlah membuat aduan yang spesifik supaya tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap pihak-pihak terbabit.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Khabar-khabar angin telah dikeluarkan di banyak tempat terutama sekali di Sarawak mengatakan kereta Proton Iswara.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan bahawa khabar angin itu tidak boleh digunakan sebagai fakta.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Khabar benarlah, khabar benar yang ..... [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Khabar benarkah atau khabar angin?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Angin mengeluarkan cerita benar. [*Ketawa*] Macam radio itu menggunakan angin (wave). Tuan Yang di-Pertua, cerita mengatakan yang Proton Iswara dijual dengan harga murah adalah kereta eksport – di‘reject’ daripada negara yang menerima oleh kerana substandar dan dikembalikan ke Malaysia untuk dijual kepada negara Malaysia. Jadi, soalan saya adakah benar khabar-khabar ini? Kalau tidak benar, apakah tindakan kementerian untuk memberikan penjelasan lanjut kepada masyarakat keseluruhannya, kalau tidak, bila hendak dibuat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bahawa biasanya soalan yang bersabit dengan pemasaran kereta Proton itu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada yang hendak dijawab?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba jawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar. Setakat ini kementerian belum menerima aduan yang mengatakan mengenai kereta Proton Iswara yang dijual di sini lebih murah oleh kerana kereta itu adalah untuk dieksport. Jadi, kita tidak terima apa-apa aduan tetapi saya ingin menjelaskan di sini bahawa kereta Proton – kereta nasional kita yang dieksport, contohnya ke United Kingdom, kualitinya memang berlainan kerana di negara itu iaitu United Kingdom, dia minta spesifikasi yang dikehendaki. Jadi, kereta yang dijual ke United Kingdom

memanglah kena ikut atau menepati kehendak status negara itu tetapi kereta Proton di pasaran tempatan kita kualitinya terjamin. Ini tidak ada berlainan, jadi tidak payahlah rasa bimbang dan kluatir, tidak benar ada kereta Proton Iswara yang dijual di sini lebih murah kerana kereta itu dieksport.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pendek kata semuanya terjamin. *[Ketawa]*.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya sejauh manakah kesedaran rakyat Malaysia tentang barang-barang tempatan ini dan apakah pihak kerajaan telah berbincang dengan pihak pengimport supaya mereka ini mengurangkan import barang-barang keluaran luar negara masuk ke dalam negara kita kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di super market, hyper market, boleh dikatakan 80% adalah barang-barang import – daripada minuman keras hinggalah kepada pakaian dan sebagainya, sedangkan kita boleh kurangkan benda-benda ini demi untuk kepentingan negara.

Jadi, sejauh manakah pihak kementerian telah berbincang dengan persatuan pengguna, dengan persatuan pengimport-pengimport dan ahli-ahli perniagaan tentang keprihatinan mereka terhadap ekonomi negara supaya mereka mengurangkan dan kalau boleh bagi benda-benda yang ada dalam negara ini menghentikan import supaya kita dapat menyelamatkan kedudukan kewangan negara.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini pun sudah dan sedang mengadakan perjumpaan di antara pihak pengilang dan jabatan-jabatan kementerian ini supaya pihak pengilang diingatkan atau dinasihatkan meningkatkan production dan kualitinya. Ini tentulah jika barang-barang tempatan yang dikeluarkan dengan berkualiti tentulah mendapat sambutan yang baik daripada pihak pengguna dan di samping itu, kementerian pun telah mengarahkan

pihak pekedai seperti hyper market dan super market supaya mereka meletakkan label 'buatan Malaysia' supaya pembeli atau pengguna boleh dapat membeli barang-barang tempatan dengan senang dan mereka tidak membuang masa untuk mencari mana barang tempatan. Jadi, kita sudah mengarahkan pihak hyper market dan mini market untuk meletak label 'buatan Malaysia'.

### **INDUSTRI PEMBUATAN DAN PERKILANGAN DI SARAWAK - LANGKAH MEMBANGUNKAN**

2. **Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan bidang pembuatan dan perkilangan di Sarawak khususnya di dalam bidang Industri Kayu Balak dan juga nyatakan masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputera di bidang tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membangunkan industri pembuatan dan perkilangan di Sarawak, satu pakej Penggalakan Koridor Timur telah diperkenalkan. Industri berasaskan kayu merupakan industri utama di Sarawak. Oleh itu, kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada industri ini dengan mengadakan beberapa dasar khusus mengenainya semasa pelaksanaan IMP I, kawasan-kawasan industri khususnya untuk industri kayu telah diwujudkan seperti di Kemena, Bintulu, Zon Perindustrian Kayu Tanjung Manis, kawasan perindustrian Kuala Baram dan kawasan perindustrian Sejingkat. Insentif untuk produk-produk berasaskan kayu seperti galakan tarif perintis sehingga 85% dan elaun cukai pelaburan sehingga 80% juga telah diberikan dengan tujuan menggalakkan aktiviti pengeluaran di bidang ini terutama aktiviti hiliran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan untuk pasaran eksport.

Penglibatan kaum bumiputera di dalam bidang industri perkayuan telah meningkat sejak awal tahun 1990-an. Pada masa ini terdapat 50 buah syarikat

bumiputera yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) dan aktif menjalankan aktiviti-aktiviti masing-masing. Bagaimanapun hanya tiga buah syarikat sahaja yang bertaraf sederhana, selainnya adalah bersaiz kecil. Masalah utama yang dihadapi oleh mereka ialah mendapatkan bekalan kayu pada harga berpatutan dan kekurangan modal serta kepakaran.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini banyak kilang kayu balak yang ditutup dan pelabur-pelabur khususnya dari Taiwan dan Jepun yang juga gulung tikar – balik semula. Apakah tindakan kerajaan ataupun galakan daripada kerajaan supaya mereka ini dibantu untuk mengubah kepada industri lain dan tidak pindah ataupun mengeluarkan wang mereka daripada negara kita.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, pemindahan pihak pelabur daripada industri kayu-kayan adalah, saya rasa disebabkan harga yang jatuh. Dengan adanya keadaan ekonomi yang dalam ketidaktentuan ini, harga kayu-kayan jatuh daripada plywood, barangan kayu sedia dan sebagainya, harganya jatuh. Oleh sebab itu maka pelabur-pelabur ini pergi ke tempat-tempat lain tetapi ini hanya berkaitan dengan pelabur-pelabur yang datang dari Korea, Jepun dan juga dari Taiwan. Pasaran kayu-kayan di Eropah Barat dan juga di Amerika Syarikat masih ada. Jadi, kerajaan boleh menggalakkan supaya pelabur-pelabur ini masuk balik ke negara ini untuk membina kilang-kilang yang lebih canggih bagi tujuan menepati kehendak-kehendak mereka yang di Eropah dan Amerika seperti perabot dan sebagainya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah projek usaha sama sektor pembuatan dan perkilangan melibatkan pengusaha tempatan dan asing serta kaum bumiputera dan bukan bumiputera telah berjalan di Sarawak?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis oleh kerana ianya memerlukan angka-angka tertentu, oleh kerana saya tidak mempunyai angka-angka tersebut.

### **PIHAK BERKUASA TEMPATAN – MENGGEMPUR MEROBOHKAN WARUNG**

3. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh mana pihak-pihak berkuasa tempatan dapat mengadakan perancangan terperinci untuk menjaga kepentingan para penjaja supaya dapat mengelakkan tindakan tergesa-gesa menggempur merobohkan warung-warung sehingga menjejaskan rezeki kehidupan para penjaja di kawasan pihak-pihak berkuasa tempatan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan meroboh gerai-gerai oleh pihak berkuasa tempatan hanya dilakukan kepada gerai-gerai dan warung-warung yang didirikan secara haram tanpa kelulusan. Gerai-gerai sedemikian yang terpaksa dirobohkan akan diberi notis yang secukupnya bagi membolehkan mereka mencari tempat baru. Lebih dari itu banyak pihak berkuasa tempatan membina gerai-gerai atau menyediakan tapak perniagaan dan menempatkan peniaga-peniaga sebelum gerai mereka dirobohkan.

Semenjak tahun lalu Kerajaan Persekutuan telah meluluskan penyeragaman dasar berkaitan penjaja yang di antara isi kandungannya ialah memastikan pihak berkuasa tempatan merancang, menempatkan semula penjaja dengan menyediakan tapak-tapak perniagaan baru sebelum mengarahkan para penjaja mengosongkan tempat perniagaan asal mereka.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menambahkan pendapatan pihak berkuasa tempatan biasanya ialah melalui kutipan lesen dan juga cukai tetapi ada setengah-setengah pihak berkuasa tempatan begitu cerewet dan juga terlalu mengikut peraturan, terkadang-kadang mereka yang

memohon lesen beberapa kali untuk berniaga tidak dilayan kecuali dengan ada 'kos pelincirnya, Pak'. Jadi, saya ingin bertanya sejauh manakah pihak berkuasa tempatan mengambil tahu dan membela nasib mereka yang ingin berniaga dan kurang kemampuan daripada mereka yang inginkan lesen tetapi menyewakan kepada orang lain dan kadang-kadang menjadikan dasar untuk merobohkan gerai ini menjadi satu sasaran yang utama bagi pihak berkuasa tempatan pada tahun-tahun berkenaan.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mempunyai satu unsur iaitu unsur dikatakan 'unsur pelincir' [*Ketawa*] yang mana maksudnya ialah satu penyelewengan dalaman yang berlaku. Kalau wujudnya sesuatu penyelewengan dalaman, maka haruslah mereka yang terlibat ataupun penjaja yang mahukan keadilan memberi laporan kepada pihak berkuasa. Jadi, pada saya kita tidak boleh menjawab secara umum tetapi hanya kalau wujud sesuatu masalah yang khusus barulah kita dapat memberi satu garis panduan bagaimana ianya dapat diatasi. Namun demikian, saya bersetuju bahawa ada banyak lesen di bandar-bandar yang disewakan dan juga disewakan kepada pendatang asing. Ini adalah satu perkara yang dikesan dan saya rasa semua pihak berkuasa tempatan diarahkan agar gejala penyewaan gerai-gerai ini diberhentikan dengan penguatkuasaan yang lebih rapi terhadap penjaja-penjaja yang berkaitan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan tentang perkembangan rancangan kementerian untuk mewujudkan dasar seragam atau polisi seragam untuk pembangunan penjaja-penjaja di negara kita ini dan apa masalah terkini yang dihadapi tentang pelaksanaan ini dan bagaimanakah boleh mewujudkan satu keadaan yang mana pihak penjaja tidak menganggap pegawai penguatkuasa sebagai musuh mereka – boleh dijadikan seperti kawan, dapat bersama-sama berganding bahu untuk mengadakan gotong royong membersihkan pusat penjaja dan mengadakan pertandingan masakan dan dengan ini adalah baik untuk negara

kita terutama dalam pembangunan penjaja-penjaja yang mana mereka pun memberikan peranan yang cukup baik untuk pembangunan ekonomi negara kita ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang sudah wujud satu arahan secara seragam yang dibuat oleh kementerian ini kepada semua pihak berkuasa tempatan dan arahan ini adalah arahan Kabinet. Antara lain ialah supaya pihak-pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan dan tidak lagi meluluskan ataupun membenarkan penjaja-penjaja membuat gerai-gerai di atas bahu-bahu jalan, di tepi-tepi jalan yang tempatnya sempit, di atas longkang dan sebagainya. Maka wujud juga arahan supaya jika mereka itu perlu dipindahkan, maka dipindahkan ke tempat yang sementara sambil pihak berkuasa tempatan membina satu tempat yang lebih sesuai, lebih moden dan lebih teratur.

Dari segi penglibatan ataupun sikap ataupun pendekatan proaktif yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu amat baik. Kalaupun semua pihak berkuasa tempatan dapat berusaha mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada tuan-tuan gerai dan penjaja untuk mewujudkan kebersihan dan sebagainya, ini adalah satu perkara yang baik. Namun, pihak-pihak berkuasa tempatan sentiasa mengalami satu dilema. Di satu pihak dia perlu mewujudkan kualiti kebersihan untuk mempertingkatkan kualiti alam sekitar, di samping itu, dia berhadapan dengan penjaja-penjaja yang degil dan penjaja-penjaja yang degil kadangkala juga meminta pertolongan wakil-wakil rakyat.

Dilema ini sentiasa wujud di peringkat bawahan dan saya di sini yang menjawab soalan juga melihat Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun mempunyai dilema. Manifestasinya ada kadangkala soalan ditimbulkan kenapakah pihak berkuasa tempatan tidak mengambil tindakan ke atas penjaja-penjaja yang melakukan kekotoran dan hari ini soalan ialah kenapa pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan menekan-nekan – bermakna dilema yang wujud di peringkat bawahan telah sampai ke peringkat wakil-wakil rakyat. Maka, saya meminta

wakil-wakil rakyat dan Ahli-ahli Parlimen mencari jalan bersama untuk bersungguh-sungguh membersihkan bandar-bandar kita walaupun kadang-kadang terpaksa kita memaksa penjaja.

#### **HARGA MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH – CADANGAN MENAIKKAN HARGA**

4. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang cadangan menaikkan harga makanan oleh pihak pengusaha kantin di sekolah-sekolah. Apakah pula sambutan pihak ibu bapa terhadap saranan supaya budaya membawa bekal oleh anak-anak diperkembangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengadakan beberapa kajian dan tinjauan terhadap harga makanan dan minuman di kantin-kantin sekolah di seluruh negara sepanjang tahun 1998. Secara amnya, harga makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah adalah terkawal dan pengusaha kantin masih mematuhi harga perjanjian yang dibuat dengan pihak sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat juga sedikit kenaikan bagi beberapa jenis makanan atau minuman disebabkan oleh kenaikan harga barangan tersebut di pasaran.

Berdasarkan tinjauan ke sekolah-sekolah, didapati sambutan ibu bapa terhadap saranan budaya membawa bekalan oleh anak-anak juga amat menggalakkan dengan bertambahnya jumlah pelajar yang membawa bekalan atau makanan ke sekolah.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiap sekolah PIBG telah memberi makanan untuk pelajar miskin. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak berkuasa menjalankan siasatan sama ada makanan tersebut mengandungi nutrisi yang diperlukan oleh pelajar?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, semua rancangan makanan tambahan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan atau yang dianjurkan dengan kerjasama pihak PIBG dan sebagainya adalah di bawah kawal

selia jawatankuasa yang diketuai oleh guru besar sendiri dan antara maksud jawatankuasa itu ialah untuk mengkaji dan menjadikan kualiti makanan itu dari segi nutrition dan sebagainya. Dengan itu soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul kerana kita selalu kawal selia tentang nutrition dan tentang kualiti makanan yang dibekalkan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan luar bandar harga sepinggan mihun goreng 80 sen adalah mahal tetapi bagi Kuala Lumpur tidak mahal. Sebab itu baru-baru ini di Teluk Intan berlaku aduan polis tentang kenaikan harga mihun goreng di sekolah. Jadi, sehubungan dengan itu adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu garis panduan harga oleh pihak kementerian sendiri mengikut zon-zon supaya perkara begini tidak berlaku dan di samping itu juga supaya makanan berkhasiat sahaja ditawarkan di kantin-kantin sekolah dan tidak termasuk rokok dan lain-lain minuman yang tidak berkhasiat untuk guru-guru.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang segala kenaikan harga untuk barang-barang yang dijual di kantin sekolah itu terlebih dahulu mesti mendapat persetujuan daripada guru besar dan jawatankuasa yang menjaga kantin tersebut dan hanya dalam kes-kes yang munasabah kita izinkan kenaikan harga itu juga tanpa menjejaskan kedudukan pelajar-pelajar miskin dan sebagainya. Dalam konteks ini, pandangan Ahli Yang Berhormat itu untuk mengklasifikasikan harga-harga mengikut zon itu adalah satu cadangan yang baik dan Kementerian Pendidikan akan mengkaji.

**JAMBATAN DURIN DI BAHAGIAN SIBU,  
SARAWAK - PEMBINAAN**

5. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kemajuan terkini pembinaan Jambatan Durin di Bahagian Sibul, negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan projek tersebut dibuat secara rundingan terus. Rundingan harga di antara pihak kerajaan dengan pihak konsortium yang dilantik bagi menetapkan harga kontrak telah ditangguhkan buat sementara waktu disebabkan penilaian semula projek-projek berikutan pemotongan peruntukan bagi tahun 1998. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya telah memberi keutamaan yang tinggi untuk pelaksanaan projek Jambatan Durin ini dan pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia telah diarah oleh pihak Perbendaharaan untuk meneruskan proses rundingan harga, jika tiada halangan, pembinaan Jambatan Durin dijangka akan dapat dimulakan pada bulan November tahun ini.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana pembinaan Jambatan 'Durian' telah sudah lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jambatan Durin, bukan Jambatan 'Durian', Yang Berhormat.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** 'Durian'

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Durin.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Bukan 'Durian' tetapi 'Durian'.

**Seorang Ahli:** Bunyi 'Durian' sedikit. *[Ketawa]*

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Soalan saya, berapa peruntukan akan diberikan untuk permulaan pembinaan jambatan ini di dalam tahun ini? Apakah acara akan diadakan untuk memulakan pembinaan jambatan ini?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, kos projek ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ceilingnya yang diberikan ialah RM100 juta dan peruntukan bagi tahun ini ialah sebanyak RM9 juta. Cara pelaksanaannya seperti

saya sebutkan tadi ialah cara rundingan terus dengan syarikat-syarikat yang merupakan satu konsortium yang telah dilantik oleh Kerajaan Pusat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa kalau tidak silap saya yang dia soal itu lain sedikit. Dia tanya tentang acara pelancaran, kalau tidak silap saya, pelancaran pecah tanah.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat, adakah itu yang dimaksudkan?

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Hanya RM9 juta diberikan untuk projek ini pada tahun ini, dan RM9 juta ini untuk apa digunakan, sama ada untuk tanah atau....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh soal yang lain. *[Ketawa]* Tetapi yang saya hendak tanya sama ada itu yang dimaksudkan. Itu sahaja, Yang Berhormat, jangan soal yang lain.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Okaylah. Inilah apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, sila jawab. *[Ketawa]*

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Boleh Yang Berhormat. Ini perkara senang. Maknanya, kalau dalam bulan November projek ini hendak dimulakan, hendak diadakan upacara pecah tanah boleh diadakan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Jambatan Durin ini begitu penting disebabkan ia adalah satu laluan tunggal yang mesti dilalui untuk menyeberangi sungai di Lebuhraya Pan- Borneo. Bolehkah kementerian memberi jaminan bahawa jambatan ini akan disiapkan dalam tempoh dua tahun dari mula kerja menanam cerucuk dimulakan seperti yang dikatakan oleh menteri minggu lalu, memandangkan penduduk-penduduk terpaksa

menunggu sehingga 4 ke 6 jam hanya untuk menyeberangi sungai dengan feri pada satu-satu masa?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, rangka jangka waktu yang diberikan dalam perundingan dengan kontraktor, jambatan ini akan dapat disiapkan dalam masa 34 bulan. Jika sekiranya ianya akan dimulakan dalam bulan November, bererti 34 bulan daripada tarikh itu, jambatan ini siap, insya-Allah. Itu tarikh yang diberikan tetapi wallahualam, mungkin lebih cepat atau lebih lewat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau) tidak hadir]*

#### **TULISAN JAWI - DASAR UNTUK MENGEKALKAN PENGGUNAAN**

7. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah dasar sebenar kementerian dalam menangani isu tulisan Jawi yang makin berkubur sekarang ini. Jika ada, apakah kerajaan berhasrat untuk memastikan tulisan itu terus kekal sebagai amalan harian penduduk dan bukan setakat menjadi bahan muzium sahaja.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah-langkah tegas untuk mengekalkan tulisan Jawi. Sehubungan itu, pengajaran Jawi dilaksanakan dan diperkukuhkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Rasional pengajaran Jawi diajar dalam Pendidikan Islam adalah untuk memastikan kesinambungan dalam aktiviti membaca dan menulis Jawi dengan pengajaran Al-Quran. Ini sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan murid-murid Muslim yang celik Al-Quran dan mahir dalam penulisan dan pembacaan Jawi.

Sehubungan itu, untuk membiasakan murid-murid menggunakan tulisan Jawi, semua buku teks Pendidikan Islam dari Tahun I hingga ke Tingkatan V

ditulis dalam tulisan Jawi. Demikian juga dengan amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah digalakkan menggunakan tulisan Jawi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun sambil menunjuk surat khabar Jawi*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hari ini pakai tie baru! [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tidak payah tunjuk.

**Seorang Ahli:** Oi, tunjuk act! [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Orang lain pun pandai bacalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dasar kerajaan misalnya mengenai akhbar ini, saya baca entahlah berapa dekad, tiap-tiap hari saya baca.

**Seorang Ahli:** Dia jual!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan jual, saya baca. Hendak jual pun susah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Merapu, soalan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari ini tidak sampai 20,000. Kalau 11,000 pun susah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, dia merapu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini bukan perbincangan. Tidak payah mukadimah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak perbincangan, kerana mereka tidak faham. Saya pun tidak boleh elak. [*Ketawa*] Kalau mereka diam sahaja saya akan teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi nampaknya mereka tidak berminat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dasar akhbar ini, misalnya kalau kita baca semua berita itu, kita nampak ada cenderung kepada sesuatu pihak sahaja. Kalau terbitan Jawinya merangkumi semua pendapat, misalnya kalau Kepong hantar kenyataan....

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....disiarkan juga, mungkin ramai orang akan berminat membaca.

**Seorang Ahli:** Merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan merapu, ini memang satu hakikat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, balik kepada hendak soal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak balik pun, saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada mengenai terbitan buku-buku ataupun akhbar Jawi itu kita adakan dasar yang lebih liberal.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Supaya semua orang minat. Sekarang orang tidak minat kerana isi kandungannya kadangkala terserong sedikit kepada satu pihak sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Majnun!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa apa yang disoal itu saya rasa terkeluar daripada soalan asal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan terkeluar, tetapi saya hendak tolong bagi mempopularkan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Memang dia merapu pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau kita popular....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Keluar daripada kepungan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau Yang Berhormat baca dengan teliti memang itu terkeluar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dasar sebenar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat. Ianya tidak menyentuh baik buruknya isi kandungan sesebuah akhbar yang berbahasa Jawi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Teks terbitan. Sebuah terbitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terutamanya terbitan daripada kementerian.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tak faham sungguh, sudah nyanyuk!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa nyanyuk pula. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina].*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Banyak makan ikan kerapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ikan kerapu pula. Saya berharap semua dasar juga yang diadakan oleh pihak kementerian....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tidak sepatutnya berucap. Sekarang ini soal sahaja, Yang Berhormat. Ada peluang untuk berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu. Tunggu sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Memang ada soalan yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada lagi? Ya, baik, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tunggu, bila dia diam saya akan terangkan. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua pun bingung juga.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina].*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Mr. Bean, duduklah! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya cukup. Adakah dasar kerajaan, bila kita adakan itu jangan paksa semua orang. Kita buat dasar semua orang lihat memang dasar yang baik, kita mesti ikut dan tidak payah paksa semua orang. Sebab saya pun ada terima aduan juga. Ada setengah-setengah murid di sekolah-sekolah rendah kata dipaksa untuk mempelajari Jawi dan sebagainya. Memang soalan saya ada itu berkaitan, sangat relevan. Tetapi sebenarnya saya pun....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina].*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Chenderoh ini cenderung kepada yang tidak benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan terpesong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak pesong. Cuma saya hendak tolong macam mana kita boleh memajukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, ini adalah baik sekali.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan secara paksaan, tetapi secara....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina].*

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....secara dasar yang liberal. Kalau lebih liberal bermula dengan Kementerian Pendidikan, kita boleh mendapat hasil yang baik.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Saya pun tidak tahu apa soalnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat.  
*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya boleh ulang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa itu sekadar ulasan sahaja, bukan soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah kerajaan sanggup mengadakan dasar yang lebih liberal, bukan paksaan, itulah soalan pokok.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tidak ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik. Okay, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat dari Kepong sudah tidur sepanjang 10 tahun ini, dia pun tidak faham. Dasar Pendidikan Negara kita adalah amat menggalakkan kita bukan sahaja izinkan penulis-penulis menerbitkan tulisan mereka, kita tidak ada apa-apa halangan. Ahli Yang Berhormat dari Kepong kata tulisan pemimpin-pemimpin DAP kita tidak izin, itu tidak benar. Mereka boleh terbitkan hanya ada banyak kenyataan yang kelirukan negara kita, tidak ada Tanjong Tiga, Tanjong Empat, sekarang adakan Tanjong Lapan, kita pun tidak faham juga. Semuanya itu akan kelirukan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tanjong Rambutan. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Ini mengelirukan kita semua. Jadi, saya nasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kerana dia seorang yang bijak, dia seorang yang pakar kulit, nasihatkan ketua parti dia supaya kita adakan satu dasar yang benar-benar liberal yang tidak akan kelirukan rakyat kita.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina].*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan, tadi tentang penulisan Jawi disalurkan melalui Pendidikan Islam kepada orang Islam. Kita mesti ingat bahawa tulisan Jawi ini adalah sebahagian daripada Bahasa Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Soalnya, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kalau kita ajar kepada Pendidikan Agama, ini untuk orang Melayu sahaja, bukan untuk warganegara Malaysia. Jadi, bagaimana untuk masa depan Malaysia untuk melahirkan manusia-manusia seperti Yang Berhormat dari Kepong ini. Orangnyanya tidak Melayu, orangnyanya tidak Islam tetapi....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Pergi Tanjung Rambutanlah!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tetapi dengan dasar tulisan Jawi...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ....oleh kerajaan sekarang ini bukan semakin maju, tetapi semakin gosan, ini masih ketinggalan. Bagaimana caranya Tuan Yang di-Pertua supaya orang yang bukan Melayu juga boleh menguasai Bahasa Malaysia dalam tulisan Jawi? Itu soalnya, faham soalan? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Bahasa Kelantan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dasar kerajaan untuk menggalakkan tulisan dan bacaan Jawi itu adalah jelas seperti yang saya telah terangkan tadi. Untuk mereka yang secara pilihan ingin membaca dan mengikut atau mengetahui dengan lebih mendalam tulisan Jawi, di sekolah kita akan menggalakkan. Kita ada aktiviti-aktiviti yang khusus yang memberi sesiapa pun yang ingin memilih mata pelajaran itu untuk mengikut supaya dia boleh mempertingkatkan kepakaran dalam bidang tersebut. Saya rasa ini adalah jelas.

**KEMPEN MEMBELI BARANGAN TEMPATAN DI PERINGKAT  
PUSAT/NEGERI - LANGKAH KEMENTERIAN**

8. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bahawa memandangkan kegawatan ekonomi negara kita, kempen untuk membeli barang tempatan sedang giat dijalankan di peringkat pusat dan negeri, tetapi pengeluar mengambil sikap sambil lewa untuk menjaga standardnya, apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan barang-barang tempatan tersebut dijaga mutunya oleh pengeluar-pengeluar tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian peka di atas perkara ini yang dilakukan oleh pengeluar dalam kempen membeli barangan tempatan. Dalam hal ini, kementerian telah mengambil langkah-langkah tegas untuk mengawal perihal kualiti barangan dengan menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 1972. Akta ini merangkumi kesalahan-kesalahan berkenaan penggunaan sesuatu perihal dagangan palsu serta mengelirukan. Di samping itu, Perintah Kawalan Harga 1980 mewajibkan pihak-pihak yang berkenaan melabelkan barang-barang tersedia bungkus dengan maklumat-maklumat sewajarnya. Kerajaan juga berusaha mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai kuasa pengguna melalui program dan aktiviti pendidikan kepenggunaan dari masa ke semasa. Kementerian mengalu-alukan aduan pengguna yang spesifik bagi membantu mengesan sebarang bentuk penyelewengan perniagaan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut jawapan tadi memang kalau pengilang-pengilang yang tidak menjaga mutu ataupun ada aduan terhadap mereka, maka tindakan akan diambil. Tetapi sejak Pemuda MCA Kebangsaan melancarkan kempen 'Belilah Barangan Malaysia' kita dapati bahawa ada pula barangan buatan Malaysia yang mempunyai mutu yang tinggi dan harga yang berpatutan. Jadi, saya ingin tahu dari aspek ini, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh kementerian, mungkin dengan kerjasama pihak MITI untuk

membantu golongan ini demi kebaikan negara kita dan juga para pengguna di negara kita?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa kempen membeli barangan tempatan yang sedang dijalankan oleh Pemuda MCA Kebangsaan adalah sangat bermakna dan penting kepada negara kita. Saya percaya melalui kempen ini ia tentulah memberi manfaat kepada pengguna-pengguna negara kita dan juga membantu kerajaan mengurangkan pengimportan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pihak pengilang yang selalu meningkatkan pengeluaran barang-barang tempatan dengan bermutu dan kualitinya yang baik dan harganya yang munasabah, saya ucapkan terima kasih. Jika pihak pengilang ataupun pengeluar ada menghadapi sebarang masalah, saya mengalu-alukan pihak berkenaan atau pihak pengilang atau pengeluar datang ke kementerian ini, dan kementerian ini akan memberi sokongan dan panduan sepenuh kepada mereka.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam suasana negara menghadapi masalah cuaca panas dan kekurangan air khususnya di sekitar Lembah Klang pada masa ini, maka pasaran untuk barangan tempatan seperti air mineral telah meningkat dengan banyak. Berikutan dengan pasaran air mineral ini, saya masih ingat cadangan Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji harga air mineral yang pada masa ini masih lagi dijual dengan harga yang terlalu tinggi berbanding dengan kos pengeluarannya. Jadi, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimanakah perkembangan dan cadangan ini dan bilakah harga baru ini hendak dilaksanakan?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, harga yang dicadangkan untuk air mineral adalah RM1.20 untuk 500 mililiter dan RM1.00 bagi air minuman. Harga yang disyorkan ke atas penjualan air mineral akan dilaksanakan pada 30 Mei tahun ini.

## **POKOK BAGI INDUSTRI KERTAS DAN PULPA - TANAMAN**

9. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa dianggarkan pada tahun 2013 seluas 8 juta ekar tanah di Sarawak akan ditanami pokok untuk kertas bagi menampung industri kertas dan pulpa. Apakah jenis impak ke atas alam sekitar terutama tanah dan air dalam kawasan berkenaan jika tanaman pokok itu dibuat secara meluas. Apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi memastikan alam sekitar dan bekalan air tidak musnah.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti tanaman pokok untuk kertas bagi menampung industri kertas dan pulpa di Sarawak adalah merupakan aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Sumber Asli dan Alam Sekitar (1994), Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar (Pindaan) 1993. Di bawah keperluan undang-undang berkenaan, aktiviti tersebut yang melibatkan kawasan melebihi 500 hektar dikehendaki terlebih dahulu menjalankan kajian kesan ke atas alam sekitar (EIA) dan laporan EIA dikemukakan kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak untuk diteliti sebelum projek ini diluluskan atau sebaliknya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penanaman pokok untuk kertas secara besar-besaran ataupun perladangan kelapa sawit bermakna penebangan pokok-pokok yang sedia ada dan kemudian ditanami dengan pokok kelapa sawit baru, tidakkah ini menyebabkan tanah gambut akan kering dan menyebabkan mudah terbakar seperti yang berlaku baru-baru ini hutan terbakar di Sarawak mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Apakah pihak kementerian berbuat untuk memastikan tanah gambut ini tidak akan mudah terbakar ataupun kalis api?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat itu adalah keluar dari soal pokok. Walau

bagaimanapun, seperti dalam jawapan saya tadi aktiviti penebangan pokok untuk tujuan penanaman kelapa sawit ini adalah merupakan satu aktiviti penggunaan tanah, yakni tertakluk kepada akta yang disebut oleh saya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melawat dua-tiga ladang penanaman kayu, kayu tek dia buat jarak di antara satu pokok ke satu pokok ialah lebih kurang 15 kaki. Ini memberi peluang pokok-pokok lain tumbuh di antara pokok yang hendak ditanamkan. Jadi, dengan keadaan sedemikian mungkin kita boleh retain sekurang-kurangnya 100 spesis fauna yang mungkin boleh hidup di perantaraan. Tetapi kalau pokok kayu pulpa untuk kertas ini ditanam sebagaimana yang ditanam oleh Syarikat Woodhouse di bandar Kuching, iaitu jarak di antara hanya empat kaki, semua tumbuhan di bawah tidak boleh hidup, satu daun pun tidak boleh hidup di bawahnya. Jadi, apakah tindakan kementerian hendak jagakan tanah ini agar ekonomi sedikit supaya penanaman ini jaraknya dimonitorkan sedikit supaya jangan dibuat rapat sangat. Apa yang berlaku di seluruh bandar Kuching kalau tanah Woodhouse itu, dan apakah tindakan kerajaan supaya ada satu guideline diberikan kepada syarikat-syarikat yang tertentu untuk menanam pokok ini, jangan tanam begitu rapat sangat supaya tumbuhan lain tidak boleh tumbuh.

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu memanglah kerajaan menggalakkan menanam pokok yang lebih banyak lagi di seluruh negara, tetapi bagaimana caranya yang sangat sesuai untuk menanam pokok-pokok yang boleh membesar dengan besar, ini adalah digariskan oleh Jabatan Perhutanan di negeri untuk dirujuk oleh peminat-peminat yang menjalankan penanaman pokok-pokok atau ladang-ladang pokok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

*[Soalan No. 10 - Y.B Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Dato' Yap Pian Hon (Serdang) tidak hadir]*

### **KERETA DITARIK BALIK (REPOSSESS) TAHUN 1997 - JUMLAH STATISTIK**

13. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan Controller of Hire Purchase yang diberikan kuasa di bawah Akta Sewa Beli 1976 menunjukkan:

- (a) statistik dari tahun 1997 sehingga terkini mengikut bulan mengenai jumlah kereta yang telah ditarik balik (repossess) di bawah Akta Sewa Beli 1976; dan
- (b) bilangan penalti/kompaun dikenakan atas tuan punya kerana kegagalan mematuhi kaedah pelaksanaan tarik balik (repossess) di bawah Akta Sewa Beli 1976. Sama ada kementerian menetapkan satu skala bayaran untuk pelaksanaan proses tarik balik (repossess) dan statistik aduan orang ramai terhadap bayaran untuk pelaksanaan proses tarik balik (repossess) yang tidak munasabah dan tindakan undang-undang yang diambil oleh kementerian.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) statistik mengenai bilangan kenderaan yang diambil semula milik, dengan izin, repossession, mengikut Akta Sewa Beli

1967 tidak dikumpulkan. Bagaimanapun, mengikut kaji selidik kementerian ini, bilangan kenderaan yang diambil semula milik mengikut akta tersebut bagi tahun 1997 berjumlah 24,407 buah. Bagi tahun ini pula, iaitu sehingga 31 Mac 1998, pengambilan semula milik kenderaan ialah sebanyak 9,138 buah dan pecahannya mengikut bulan ada seperti berikut:-

<b>Bulan</b>	<b>Bil. kenderaan di'repossess'</b>
Januari	2,498
Februari	2,842
Mac	<u>3,798</u>
	Jumlah: <u>9,138</u>

- (b) Proses pengambilan semula milik adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Sewa Beli 1976. Bagi tahun ini iaitu sehingga 31 Mac 1998, kementerian mengambil satu tindakan kes berhubung dengan penyelewengan pemunya ketika menjalankan pengambilan semula milik. Kes ini adalah hasil daripada satu aduan yang diterima bagi tempoh yang sama. Peraturan-peraturan di atas tidak menetapkan kadar atau skala bayaran bagi pelaksanaan proses pengambilan semula milik.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa ini dari segi pemilikan semula (repossession) terdapat satu peraturan, iaitu Peraturan-peraturan Pemilikan Semula. Tetapi malangnya di bawah peruntukan peraturan ini tidak ada satu scale yang menetapkan berapakah jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh penyewa apabila berlaku penarikan semula. Hasilnya tuan punya menetapkan bayaran yang berlebihan. Kadang-kadang penarikan kereta bagi satu kes yang ringkas dikenakan RM2,000, RM3,000 dan hasilnya ini dibayar oleh penyewa. Jadi, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk meminda Peraturan-peraturan Pemilikan Semula ini dan menentukan kadar yang tetap bagi penarikan semula supaya tidak berlaku penyelewengan oleh pihak tuan punya yang akhirnya dibebani dengan penyewa yang tidak mampu untuk membayar jumlah tersebut.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaan, caj-caj pengambilan semula milik adalah berbeza antara satu pemunya atau pemilik dengan pemunya yang lain.

Caj ini adalah dikenakan bergantung kepada kesukaran untuk mengesan kenderaan-kenderaan yang hendak diambil semula milik itu. Cadangan dari Ahli Yang Berhormat memang adalah membina, jadi kementerian ini boleh mengambil pertimbangan dan mengkaji supaya Akta Sewa Beli ini boleh dipinda.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memandangkan angka-angka yang dibacakan tadi oleh beliau, bahawasanya sekarang hampir 10,000 kereta yang sudah ditarik

sungguhpun dalam masa tiga bulan sahaja, saya rasa kita boleh membuat jangkauan bahawa mengikut quarterly akhir tahun ini mungkin kira-kira 36,000 kereta akan kena tarik. Bolehkah saya dapat satu unjuran apakah jumlah kereta yang dijangka akan ditarik balik untuk akhir tahun ini dan apakah cadangan yang akan dibuat oleh kerajaan supaya kita boleh mengurangkan bilangan kereta yang ditarik balik, oleh kerana seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat, bilangan kereta yang ditarik balik akan membebankan, bukan sahaja tuan punya kereta atau peminjam akan tetapi juga akan membebankan syarikat kewangan, kerana kalau kereta itu tersadai di sini sahaja, saya rasa ia tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada ekonomi negara kita.

Apakah cadangan, apakah jumlah kereta yang dijangka akan ditarik balik pada akhir tahun ini dan apakah cadangan-cadangan yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mengurangkan bilangan tersebut?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab bahawa statistik rasmi tidak ada, berapa jumlah bilangan kenderaan yang ditarik balik atau yang telah diambil semula milik tidak ada, tetapi mengikut kaji selidik kementerian iaitu bilangan kenderaan yang terlibat dalam pengambilan semula milik, angka-angkanya adalah dari persatuan syarikat sewa-beli, oleh itu saya tidak boleh menyatakan berapakah jumlah kenderaan yang diambil semula milik pada tahun ini.

Soalan yang kedua, mengenai bagaimana kementerian ini boleh memberi bantuan supaya pengambilan semula milik ini boleh dikurangkan, ini tidaklah

dalam bidang kuasa kementerian ini dan ini adalah oleh kerana dua parti atau dua pihak adalah terikat dalam perjanjian sewa-beli di mana penyewa tidak membayar dua bulan bayaran ansuran (instalments), jadi pihak pembeli atau pemunya ada kuasa untuk mengambil semula milik itu, jadi bantuan yang diberi oleh kementerian ini memang tidak ada, kalau Ahli Yang Berhormat berminat boleh menunjukkan perkara ini kepada Kementerian Kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa sudah cukup untuk Soal Jawab.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 10 hingga 12 dan 14 hingga 44 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (NO.2)**  
**(PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[23 April 1998]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung jawapan.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato’ S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1998 yang telah dibentangkan pada 23 April 1998 lalu.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mohon izin untuk menjelaskan dan menjawab beberapa isu dan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah iaitu implikasi Seksyen 211, 217 dan 218 terhadap syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan di masa kegawatan ekonomi sekarang. Beliau mencadangkan kreditor syarikat-syarikat dan mahkamah digalakkan mencari jalan lain seperti skim Arrangement and Reconstruction untuk menyelesaikan masalah kewangan sesebuah syarikat.

Sebenarnya skim tersebut telah sedia ada diperuntukkan di bawah Seksyen 176, Akta Syarikat 1965. Skim tersebut adalah merupakan satu pilihan untuk

dilaksanakan oleh pihak yang berkaitan mengikut fakta masalah masing-masing. Dalam kegawatan ekonomi sekarang, skim tersebut patut digalakkan untuk kepentingan semua pihak dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah dan dari Bayan Baru sama-sama menyentuh peruntukan berhubung dengan Judicial Management (Pentadbiran Kehakiman) yang perlu dipertimbangkan seperti terdapat di Singapura untuk memulihkan syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan dengan memberikan tempoh penangguhan iaitu moratorium daripada tindakan kreditors dan lain-lain pihak. Undang-undang ini juga terdapat di Amerika Syarikat iaitu dipanggil Chapter II dan 'Voluntary Administration' di Australia.

Cadangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat sekarang memang dalam kajian oleh Pejabat Pendaftar Syarikat dan juga pihak-pihak swasta. Pandangan dan cadangan pihak swasta akan diberi pertimbangan sebelum peruntukan yang sewajarnya diperkenalkan kelak. Ini adalah penting kerana terdapat peruntukan-peruntukan di dalam Judicial Management atau Chapter II akan menjejaskan kepentingan beberapa pihak lain, termasuk bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah juga mencadangkan kepada kerajaan agar pejabat Pendaftar Syarikat dikorporatkan supaya prestasinya dapat dipertingkatkan dan pegawai-pegawainya terdiri dari mereka yang mempunyai pengalaman dan kelayakan yang sesuai bagi menghadapi cabaran sektor korporat yang kian berkembang.

Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pihak kementerian saya dan ROC khususnya memang menyedari akan pentingnya ROC sentiasa meningkatkan prestasinya, bukan sahaja dari segi kualiti perkhidmatan dalam memenuhi piawaian piagam pelanggan yang telah ditetapkan tetapi juga prestasi pegawai-pegawai. Ini adalah sejajar dengan perubahan-perubahan yang begitu pesat dalam sektor korporat dan teknologi

maklumat masa kini. Untuk itu, beberapa tindakan telah dijalankan seperti pelaksanaan pengurusan kualiti berasaskan standard MS ISO 9000 di Unit Carian Nama Dan Penubuhan Syarikat menggantikan sistem penyimpanan fail syarikat dari bentuk fizikal fail kepada bentuk mikrofilem, kaunter perkhidmatan segera bagi mendapatkan maklumat syarikat secara cetakan komputer, menyediakan kemudahan komputer bagi penyemakan nama syarikat dan sistem on-line yang menyambungkan kesemua sebelas cawangan ROC di seluruh negara. Dari segi prestasi pegawai dan juga kakitangannya sentiasa dipertingkatkan melalui pelbagai kursus dan latihan yang diadakan dari masa ke semasa.

Sebenarnya, cadangan agar ROC dikorporatkan telah lama ditimbulkan dan turut dicadangkan ialah penubuhan Trade Registration Commission. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan ini sedang dalam kajian oleh pihak kementerian bersama-sama agensi kerajaan lainnya seperti JPA dan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh isu mengenai beberapa syarikat yang sedang mengalami masalah kewangan dan telah menuduh bahawa kerajaan akan melakukan bail out kepada syarikat-syarikat berkenaan. Ingin saya menjelaskan bahawa isu-isu yang dibangkitkan tersebut bukan secara langsung di bawah bidang kuasa kementerian. Saya percaya pegawai-pegawai dari kementerian yang berkenaan telah mengambil perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Bintulu telah menyentuh isu mengenai kedudukan NGO di negara ini, seperti persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang mengemukakan persoalan apakah erti 'prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia' di dalam konteks membuat permohonan ke mahkamah untuk menggulungkan NGO di bawah pindaan Seksyen 218. Sebenarnya peruntukan pindaan Seksyen 218 hanya memberi alasan kepada ROC

untuk membolehkannya membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi bagi menggulungkan syarikat (NGO) berkenaan, jika beliau mendapati NGO berkenaan telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi kesan sedemikian. Di mahkamah, syarikat yang berkenaan akan diberi peluang untuk membela dan mempertahankan diri. Terserah kepada Mahkamah Tinggi membuat tafsiran mengenai istilah-istilah tersebut berdasarkan konsep perundangan yang ada.

Ahli Yang Berhormat dari ....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa terpulanglah terserah kepada mahkamah untuk memberi definisi perkataan-perkataan ‘any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia’ atau ‘prejudicial to national security or public interest’ apabila ROC petition kepada mahkamah untuk menutup satu badan NGO, tetapi bukan sahaja ada peruntukan ini di Fasal 3 ada peruntukan di mana ROC ada hak untuk menolak permohonan untuk mendaftarkan satu NGO atas sebab-sebab yang sama, bukankah kerajaan atau kementerian yang berkenaan patut menghuraikan skop-skop erti atau makna perkataan-perkataan yang digunakan apabila ROC menggunakan kuasanya untuk menolak permohonan bukan sahaja pergi mahkamah, serah kepada mahkamah, itu bahagian yang lain.

Sebelum timbul peranan mahkamah atau campur tangan mahkamah, oleh kerana apabila di bawah Fasal 16(8) yang baharu di mana the Registrar shall refuse to register the memorandum of a proposed company if he is satisfied atas sebab-sebab yang kita ada bahaskan, apa ertinya.

Dan kedua, adakah NGO-NGO yang sekarang didaftarkan di bawah Akta Syarikat di mana dalam pandangan kerajaan sudah melanggar fakta seperti ini di mana adalah bertindak 'prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia' sehingga perlulah satu peruntukan semacam ini dan kalaulah begitu bukankah masa sekarang ialah memaklumkan Dewan yang mulia ini dan negara, apa-apa NGO-NGO yang bersabit, apa jenis kegiatan yang disifatkan sebagai 'unlawful purposes or prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia' oleh kerana tentulah cadangan ini untuk meminda Akta Syarikat tidak timbul dalam satu vacuum tentulah ada sebab, tentulah ada circumstances, apakah sebab itu dan apakah circumstances itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat sabar, oleh kerana ada penjelasan mengenai beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, dalam jawapan saya, saya akan beri.

Walau bagaimanapun, satu penjelasan mengenai erti 'prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia', ini tidak ada selain daripada makna is a plain meaning, selain daripada makna yang kita faham ini, tidak ada perlunya definisi ataupun penjelasan lanjut. Cuma dalam masalah 'prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality' ini kalau perlunya untuk mengambil tindakan terhadap NGO, kita perlukan maklumat-maklumat dari polis ataupun dari security committee ataupun agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara itu untuk mengemukakan kepada kita. Atas asas-asas itu barulah pihak ROC akan membuat memorandum kepada mahkamah, ini terhadap NGO yang telah didaftar, tetapi pada asasnya kita tidak melarang NGO bergerak bagi tujuan yang ditujukan dalam perlembagaan masing-masing, yang didaftarkan

dalam negara kita, cuma kita fikir elok dan sesuai NGO didaftarkan di bawah ROS dan bukan ROC.

Yang kedua, perkataan-perkataan tadi, ‘prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia’, bukan sahaja terdapat dalam pindaan yang dibuat untuk meminda Akta Syarikat 1965, tetapi perkataan-perkataan ini adalah sama dalam Akta Pertubuhan (Societies Act) yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Semua perkataan yang terkandung adalah sama. Maka yang perlunya adalah jika terdapat NGO yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat melakukan satu-satu kesalahan dan kalau kita menerima alasan-alasan yang mencukupi barulah ROC dapat mengemukakan memorandum untuk menggulungkan. Buat masa sekarang pihak polis berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan, tetapi tidak ada kuasa kalau perkara itu berlaku tidak ada kuasa untuk menggulungkan syarikat berkenaan. Jadi, ini adalah enabling provision kalau perkara itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, suka saya menyambung penjelasan atau jawapan dan ada juga saya menyentuh perkara-perkara yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong turut bertanyakan mengapa perlu menyekat NGO yang tidak hendak mendaftar dengan ROC kerana pendaftaran dengan ROS akan mengambil masa yang lebih panjang. Kementerian mempunyai pendirian bahawa semua NGO yang menjalankan kegiatan bukan komersial adalah lebih sesuai didaftarkan dan seterusnya dikawal oleh Registrar of Societies. Biarlah syarikat-syarikat yang bermotifkan komersial sahaja didaftar dan dikawal selia oleh ROC. Cara ini akan membolehkan NGO-NGO dan syarikat-syarikat beroperasi di dalam suasana yang lebih sihat dan penguatkuasaan undang-undang mengenainya akan dapat dibuat dengan lebih berkesan.

Sementara itu Ahli Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh bahawa Fasal

.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana pendirian yang dibuat dan disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pada dasarnya kerajaan mahu semua NGO syarikat-syarikat yang bukan komersial didaftar di bawah Akta Pertubuhan, adakah ini menjadi satu dasar kerajaan di mana peruntukan yang baharu sama ada di bawah Fasal 3 atau Fasal 11 mengenai proposed company tidak boleh mengadakan 'unlawful purposes or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality' bahawa ini akan digunakan kepada NGO-NGO yang sedia ada bergiat di bawah Akta Syarikat untuk menjadi satu alasan petition kepada ROC, kepada mahkamah bahawa mereka prejudicial di bawah pindaan yang baharu 'prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia', bahawa mereka patut bergiat di bawah Akta Pertubuhan dan bahawa mereka patut ditutup atau bolehkah kerajaan memberi satu jaminan bahawa ini tidak akan berlaku.

Dan kedua, sungguhpun Fasal ini adalah is plain meaning, bahawa apa yang tidak legal, apa yang immoral tidak dibenarkan dan mengenai plain meaning bahawa apa-apa pertubuhan atau sesiapa yang bersabit dengan kegiatan yang tidak sah atau tidak berakhlak tentulah tidak dapat disetujui oleh sesiapa atau disokongkan oleh sesiapa iaitu perkara semacam maksiat atau drug atau kegiatan secret service dan lain-lain. Tetapi di sini apa yang kita bincang ialah mengenai kegiatan-kegiatan NGO yang mahu memberi sumbangan untuk membangunkan civil society dan mungkin pendapat mereka, pendirian mereka berbeza dengan pendapat dan pendirian kerajaan, apalah makna hak asasi, apalah makna hak bersuara dan lain-lain.

Bolehkah ini akan menjadi satu alasan bahawa mereka melanggar dasar kerajaan dan tak patut terus bergiat di bawah Akta Syarikat dan peruntukan ini digunakan untuk menutup syarikat mereka?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah jelaskan bahawa NGO boleh didaftarkan di bawah ROS, berpuluh-puluh NGO didaftarkan dalam negara kita di bawah ROS dan mereka membuat sumbangan kepada negara. Pihak kerajaan bukan sahaja mengizinkan tetapi menggalakkan penubuhan NGO-NGO dan peranan yang dimainkan oleh NGO. Cuma kita katakan jangan daftarkan, kita tidak menggalakkan pendaftarannya, ini bukan dasar baru, dasar awal pun begitu juga, cuma NGO mendaftar sebagai syarikat dan ada beberapa sahajalah, tetapi walau bagaimanapun, kita fikir adalah sesuai mereka didaftarkan sehingga sekarang kita tidak bercadang untuk menggulung mana-mana NGO yang sudah berdaftar untuk menggulung, kita tidak bercadang berbuat demikian tetapi kalau ada maklumat-maklumat yang berasas seperti yang saya katakan tadi, untuk membolehkan Pendaftar Syarikat mengambil tindakan menggugurkan memorandum kepada mahkamah, maka kita akan buat pada masa hadapan. Buat masa sekarang - tidak. Kita tidak ada cadangan, kita tidak ada asas-asas yang diterima oleh pihak-pihak atau agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap 'peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia' yang mengemukakan alasan-alasan terhadap mana-mana syarikat yang memainkan peranan NGO. Jadi, saya harap perkara ini jelaslah, pindaan ini tidak akan menjejaskan hak asasi manusia dan juga lain-lain nilai-nilai yang dipentingkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu Ahli Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh bahawa Fasal 3(b) rang undang-undang yang bermakna NGO-NGO tidak boleh didaftarkan dan ini bertujuan untuk mengongkong kegiatan NGO di negara ini. Sukalah saya menjelaskan bahawa tujuan pindaan kepada Seksyen 16(8), 217 dan 218 mengenai NGO, bukanlah sebenarnya untuk menyekat

penubuhan dan kegiatan NGO di negara ini, ianya adalah semata-mata bertujuan agar sesebuah syarikat tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kegiatan-kegiatan yang tidak sihat yang bertentangan dengan prinsip negara dan boleh menjejaskan ketenteraman dan kepentingan awam. NGO-NGO yang beroperasi dengan baik masih boleh didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bersama-sama Ahli Yang Berhormat dari Mentakab pula telah menyentuh isu mengenai service 'on-line' kepada orang ramai bagi memudahkan maklumat sesebuah syarikat diperolehi dan mengelakkan penubuhan syarikat mengambil masa yang panjang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan konsep 'electronic government', pihak kerajaan sedang di dalam proses untuk mewujudkan perkhidmatan secara 'on-line' di semua jabatan kerajaan termasuk ROC, namun demikian tindakan tersebut memakan masa memandangkan ianya melibatkan banyak jabatan dan kos yang tinggi. Di ROS service 'on-line' kepada orang ramai sedang dalam kajian dan perbincangan.

Mengenai tempoh masa penubuhan sesebuah syarikat, sekarang ini ia tidak mengambil masa yang lama seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Penubuhan syarikat adalah melibatkan dua proses, satu carian nama syarikat; dan kedua, penubuhan syarikat. Keputusan carian nama mengambil masa satu hingga dua hari, manakala proses penubuhan mengambil masa dua hingga tiga hari. Kelewatan mungkin berlaku di peringkat firma setiausaha syarikat di dalam melaksanakan tindakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Bayu telah mencadangkan agar kerajaan mengkaji kemungkinan bagi membenarkan konsep liabiliti terhad supaya firma perakaunan boleh diperbadankan bagi mengurangkan risiko yang terpaksa ditanggung oleh pengamal-pengamal juruaudit. Pihak

kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan itu, oleh itu kerajaan akan mengkaji cadangan yang dibangkitkan dan akan menjemput pandangan daripada Institut Akauntan Malaysia dan pihak swasta lain yang berkaitan.

Satu lagi isu yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ialah mengenai ketelusan (transparency) dan pendedahan mengenai penyata kewangan syarikat dan pematuhan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan, seterusnya mencadangkan pindaan kepada Akta Syarikat termasuk Jadual Kesembilan. Isu yang sama ini turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun yang menekankan tentang kepentingan 'full disclosure' di dalam akaun untung rugi syarikat.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) adalah untuk menghasilkan piawaian perakaunan yang diluluskan, yang mesti dipatuhi oleh semua syarikat di negara ini. Piawaian tersebut dijangka akan berteraskan konsep 'ketelusan (transparency)' dan 'full disclosure'. Oleh itu, hanya apabila MASB telah mengadakan piawaian berkenaan, maka Akta Syarikat bolehlah dipinda bagi menyesuaikan dengan piawaian yang diluluskan itu. Pindaan-pindaan kepada Seksyen 166A, 169 dan 174 yang sekarang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah merupakan langkah pertama ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga mencadangkan supaya sekatan yang memerlukan mesyuarat agung sesebuah syarikat diadakan di dalam negara di negeri di mana pejabat berdaftar syarikat itu terletak dimansuhkan, memandangkan kemajuan dalam infrastruktur di dalam negara sekarang. Sebenarnya, peruntukan ini telah sedia ada sejak begitu lama. Mungkin sudah tiba masanya untuk ianya dikaji semula memandangkan keadaan kemajuan dalam infrastruktur di dalam negara sekarang ini. ROC akan mengkaji perkara ini dan akan mengambil tindakan susulan jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah bertanyakan cara bagaimana untuk mengelakkan Lembaga Pengarah dari menyalahgunakan

kuasa atau melakukan penyelewangan. Dalam hal ini peruntukan undang-undang yang mencukupi mengenai corporate government telah sedia ada dalam Akta Syarikat 1965 dan akta-akta lain yang berkaitan. Selain dari itu Kod Etika Pengarah juga telah dilancarkan dua tahun lalu bagi meningkatkan kesedaran dan kepekaan pengarah tentang tanggungjawab mereka. Di samping itu penguatkuasaan undang-undang tersebut akan terus dijalankan secara aggressive dan berkesan lagi. Dalam hal ini ROC telah mengadakan beberapa siri operasi khas seperti Operasi Bankrap, Operasi Kelab Golf/Rekerasi dan Skim Kongsi Masa, Ops Akaun dan Juruaudit dan Ops Setiausaha Syarikat. Umpamanya dari tahun 1996 dan 1997, sebanyak 72 Kelab Golf dan Skim Kongsi Masa telah diperiksa di mana 46 Kelab Golf dan 4 Skim Kongsi Masa telah dikenakan kompaun berjumlah RM1,644,200 di atas pelbagai kesalahan seperti menjual keahlian semasa tempoh sah prospectus tamat dan tidak memperbaharuinya dan kegagalan mematuhi peruntukan yang tersebut dalam surat ikatan aman.

Sementara itu dalam Ops Setiausaha yang telah dilancarkan dalam tahun 1997, seramai 365 Setiausaha Syarikat telah diperiksa untuk memastikan pematuhan ke atas syarikat dan mempunyai lesen yang sah. Beberapa salahlaku Setiausaha Syarikat telah dikenal pasti seperti Pendaftaran Pemindahan Saham tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Kegagalan mengeluarkan notis mesyuarat syarikat dan pemalsuan tandatangan Pengarah dan pemegang saham. Sementara itu dalam tahun yang sama Ops Akaun dan Juruaudit sebanyak 196 firma juruaudit, 152 syarikat telah diperiksa. Hasil siasatan mendapati 43 kes telah melibatkan kesalahan di bawah Akta Syarikat yang telah dilakukan oleh juruaudit. Manakala 132 kes melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh syarikat. Sejumlah RM124,000 kompaun telah dikenakan di atas kesalahan-kesalahan tersebut. Bagi syarikat-syarikat yang tersenarai pula pengawasan tambahan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan KLSE sentiasa dijalankan dengan teliti bagi mengelakkan penyelewangan syarikat dan pengarah. Selain dari itu penguatkuasaan kesalahan

mengenai jenayah, pecah amanah atau CBT di bawah Kanun Keseksaan (Penal Code) yang melibatkan pengarah-pengarah syarikat juga sentiasa diperhebatkan oleh pihak polis dan agensi-agensi yang bertanggungjawab.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga telah memberi pandangan bahawa tidak guna mengadakan sistem elektronik bagi serah-simpan dokumen jika dokumen-dokumen seperti penyata akaun tidak kemas kini dalam rekod-rekod syarikat di pejabat Pendaftar Syarikat. Pihak kementerian dan ROC khususnya akan sentiasa memberi perhatian yang serious dalam hal ini. Walau bagaimanapun, pengemaskinian dokumen di ROC adalah juga bergantung kepada dokumen-dokumen yang diserahkan di Pejabat ROC. Dengan penguatkuasaan yang lebih aggressive dan berkesan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutama dalam bentuk operasi besar-besaran, tahap penyerah-simpanan dokumen oleh syarikat kepada ROC telah bertambah baik. Sebagai contoh dalam tahun 1996 jumlah penyata tahunan dan akaun yang diterima oleh ROC adalah masing-masing sebanyak 208,820 dan 154,912 tetapi dalam tahun 1997 jumlah tersebut telah meningkat kepada 219,788 bagi penyata tahunan dan 188,207 bagi akaun syarikat. ROC akan terus menguatkuasakan undang-undang Akta Syarikat 1965 dengan lebih aggressive untuk memastikan dokumen-dokumen statutory difailkan dalam masa yang ditetapkan oleh pihak syarikat. Pada masa yang sama di pihak ROC sendiri akan memastikan proses mengemaskinkan maklumat syarikat, data entry dan perfileman dokumen-dokumen dibuat dalam tempoh yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kekhuatiran yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Tambun mengenai kursus-kursus jangka pendek, iaitu, tempoh enam bulan, seperti yang dijalankan oleh Malaysian Association of the Institute of Chartered Secretaries and Administrators atau MAICSA untuk melayakkan seseorang menjadi Setiausaha Syarikat, sukalah saya menyatakan bahawa kursus tersebut sebenarnya dianjurkan oleh Asian Centre for Professional Development

atau ACPD dengan kerjasama Universiti Malaya dan beberapa badan profesional dan swasta lain, bukannya MAICSA seperti yang dinyatakan. Kursus tersebut adalah diluluskan oleh ROC khas untuk calon-calon bumiputera sahaja bagi menggalakkan bilangan bumiputera yang terlibat untuk meningkatkan jumlah bilangan mereka dalam bidang ini. Walaupun jangka masa kursus tersebut agak pendek iaitu 6 hingga 10 bulan tetapi mereka perlu lulus temu duga dan ujian dengan ROC sebelum layak diberikan lesen setiausaha. Sekiranya berjaya mendapatkan lesen, setiausaha berkenaan perlu mengambil refresher course setiap tahun untuk memastikan tahap pengetahuannya di bidang berkenaan dapat dikekalkan di tahap yang terkini.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga mencadangkan kelulusan minimum dikenakan bagi seseorang untuk menjawat jawatankuasa audit dalam audit committee sesebuah syarikat terutama sebuah syarikat awam tersenarai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat mengadakan audit committee bukanlah di bawah Akta Syarikat 1965. Ianya adalah merupakan kehendak atau syarat yang dikenakan oleh KLSC bagi syarikat-syarikat yang tersenarai. Perkara ini akan diajukan kepada KLSC untuk dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun turut mencadangkan agar-agar pengarah-pengarah yang hendak dilantik mempunyai kelulusan, benar-benar berkelayakan untuk memegang jawatan berkenaan. Perlantikan pengarah adalah dibuat sendiri oleh pemegang-pemegang saham di dalam mesyuarat agung syarikat. Ini adalah merupakan hak bagi pemegang saham. Terpulang kepada pemegang saham berkenaan untuk memilih sendiri ahli Lembaga Pengarah yang hendak dicalonkan untuk menjaga kepentingan mereka. Mengenakan syarat kelayakan untuk pengarah akan mengehadkan hak serta menyusahkan pemegang-pemegang saham untuk membuat pilihannya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga mencadangkan supaya objektif sebuah syarikat dihadkan atau diperkecilkan dalam memorandum dan artikelnya

supaya jika syarikat ingin menukar objektifnya, pemegang-pemegang saham diberitahu dan mendapat kelulusan mereka. Mengikut amalan biasa memorandum persatuan sesebuah syarikat biasanya mengandungi tiga hingga lima objektif utama yang dijalankan oleh syarikat tersebut. Dan fasal-fasal lain adalah objektif atau kuasa sampingan yang diperlukan. Kebanyakan fasal-fasal objektif tersebut dan kuasa sampingan adalah terdapat di Jadual Ketiga kepada Akta Syarikat 1965. Memorandum syarikat yang tidak menggunakan fasal-fasal di Jadual Ketiga biasanya mempunyai banyak fasal objektif berbanding jika memorandum syarikat menggunakan Jadual Ketiga. Ianya hanya mempunyai tiga hingga lima fasal objektif sahaja. Ketika ini Pejabat Pendaftar Syarikat menggalakkan syarikat-syarikat agar menggunakan fasal-fasal di Jadual Ketiga semasa permohonan penubuhan syarikat, kerana proses pendaftaran dapat dibuat dengan kadar yang lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah menyentuh mengenai bayaran yang dikenakan ke atas seseorang setiausaha berlesen sekarang adalah terlalu tinggi dan membebankan mereka dan menaikkan kos. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran fee yang dikenakan bagi permohonan lesen Setiausaha Syarikat yang dikenakan ialah sebanyak RM50. Pemohon yang layak akan dipanggil temuduga. Sekiranya beliau lulus dalam temuduga, bayaran lesen yang dikenakan ialah RM150 bagi lesen yang sah untuk 3 tahun. Dan bukannya RM600 seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu. Bayaran ini iaitu RM150 untuk 3 tahun adalah agak rendah dan tidak membebankan.

Mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat dari Bintulu agar kerajaan memberi perhatian kepada isu 'receivership' di mana 'receiver' yang dilantik biasanya memungut wang yang dihutang kepada bank dan bukan untuk menghidupkan semula syarikat. Kementerian memang sedar bahawa kebanyakan kes 'receivership', receiver selalunya membiarkan syarikat sebaik sahaja hutang

pihak yang melantik receiver telah menjelaskan dan receiver tidak mengambil apa-apa tindakan untuk cuba memulihkan syarikat. Sebab itu kementerian kini sedang mengkaji cadangan untuk memperkenalkan peruntukan yang boleh memberi tempoh penangguhan atau moratorium kepada syarikat-syarikat yang mempunyai elemen yang boleh dipulihkan semula seperti peruntukan 'judicial management' di Singapura dan 'chapter 11' di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Mentakab telah membangkitkan isu berkaitan dengan pelaksanaan sistem elektronik filing akan dilakukan. Selaras dengan konsep 'electronic government' yang akan dilaksanakan, peruntukan pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menyediakan fasiliti terlebih awal sebelum ianya boleh dilaksanakan. Butir-butir terperinci mengenai pelaksanaan mengenainya akan diputuskan bila tiba masa pelaksanaannya kelak berdasarkan jenis peralatan dan perisian yang akan digunakan. Ianya dijangka akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-7. Seperti yang dinyatakan di awal ucapan pembentangan Rang Undang-undang ini, Akta Syarikat 1965 telah dipinda sebanyak 27 kali sejak tahun 1965. Ini adalah selaras dengan kehendak suasana sektor korporat yang sentiasa berkembang dari masa ke semasa berdasarkan pandangan-pandangan dari sektor korporat sendiri. ROC sentiasa mengadakan siri-siri ceramah dan dialog dengan pengarah-pengarah dan setiausaha-setiausaha syarikat serta badan-badan profesional untuk memastikan setiap pindaan dapat diterima dan difahami oleh pegawai-pegawai syarikat.

Mengenai soalan NGO yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, sebenarnya istilah NGO tidak ditafsirkan di bawah Akta Syarikat 1965. Pada amnya kesemua syarikat yang tidak dimiliki oleh kerajaan boleh dianggap sebagai NGO. Walau bagaimanapun, kebanyakan aktiviti-aktiviti NGO yang didaftarkan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat adalah dijalankan oleh syarikat berhad mengikut jaminan termasuk yang ditubuhkan di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat

1965. Sehingga 30 Mac 1998, jumlah syarikat berhad mengikut jaminan yang didaftarkan ialah sebanyak 553 sahaja. Mengenai kedudukan Sahabat Alam Malaysia yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, sukalah saya menjelaskan bahawa badan ini telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan pada 27 September 1977, dan mempunyai alamat berdaftar di Pulau Pinang. Oleh itu, segala kegiatannya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan atau pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menyentuh sebilangan kelab golf yang tidak menyiapbina kemudahan-kemudahan seperti yang dijanjikan, contohnya Kelab Golf Darul Ridzuan di Perak, Ipoh. Mengikut rekod di Pejabat Pendaftar Syarikat, sehingga 23 April 1998, daripada jumlah sebanyak 115 buah kelab yang didaftarkan, 81 daripadanya adalah terdiri daripada kelab golf, manakala 27 buah adalah kelab rekreasi dan bakinya 7 kelab adalah kelab marin. Semua kelab golf adalah dikehendaki menyiap bina kemudahan-kemudahan seperti yang dijanjikan dalam Surat Ikatan Amanah atau 'Trusty' dan/atau prospectus dalam tempoh yang disebutkan di dalam dokumen-dokumen itu. Jika pemaju atau operator-operator kelab golf gagal berbuat demikian, satu kesalahan boleh dikatakan telah dilakukan oleh pemaju atau operator itu dan boleh dihukum penjara 5 tahun atau denda sebanyak RM100,000 atau kedua-duanya di bawah Akta Syarikat 1965. Kelab Golf yang sedemikian tidak akan dibenar menjual keahliannya kepada orang awam melainkan satu mesyuarat ahli diadakan untuk menjelaskan sebab-sebab kelewatan dalam menyiapbina kemudahan-kemudahan dan mendapat kelulusan ahli-ahli untuk menangguhkan tarikh siap bina kemudahan yang berkaitan.

Surat Ikatan Amanah dan prospectus juga perlu dipinda dengan sewajarnya selepas mendapat kelulusan daripada ahli sebelum kelab boleh dibenarkan menjual keahliannya kepada orang awam. Setakat ini 10 kelab telah dikesan yang masih belum menyiapbina kemudahan-kemudahannya dan telah diarah mengambil

tindakan yang sewajarnya untuk membetulkan kedudukan. Walau bagaimanapun, apa yang disebutkan tadi, tidak melibatkan hak seseorang ahli kelab untuk mengambil tindakan sivil terhadap pemaju atau operator berasaskan perjanjian dalam Surat Ikatan Amanah.

Mengenai Kelab Golf Darul Ridzuan di Ipoh, Perak seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, aduan mengenainya telah pun diterima dan siasatan mengenainya telah pun dimulakan dan sedang dalam proses.

Sebagai mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Syarikat 1997 dan telah mengemukakan pandangan-pandangan mereka. Sekiranya terdapat mana-mana isu yang tidak sempat dijawab, pihak kementerian akan memberi perhatian kepada isu-isu yang dibangkitkan dan pandangan-pandangan yang diberikan.....

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sahaja. Terima kasih kepada Dato' Timbalan Menteri kerana memberi jawapan kepada perkara yang kita bangkitkan. Satu perkara kecil sahaja, saya pernah bangkitkan dengan pindaan ini bagaimana di kawasan kita di Sarawak, jauh di kawasan saya di Limbang, kalau hendak menebus syarikat pergi ke KK atau Miri. Dengan itu, saya ingin bertanya sahaja, dengan pindaan seperti ini adakah penubuhan syarikat dapat dipercepatkan di kawasan-kawasan pedalaman. Saya ingin bertanya, penjelasan sahaja, terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun menjelaskan kita telahpun mengambil tindakan-tindakan untuk menubuhkan

syarikat iaitu masa yang diambil telah pun dikurangkan dari 1 hingga 2 hari untuk mencari nama dan 2 hingga 3 hari untuk mendapat pendaftaran. Bagi kawasan pedalaman, buat masa sekarang pihak kementerian masih belum ada cadangan-cadangan untuk menubuhkan lebih daripada pejabat-pejabat yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kalau keadaan mengizinkan pada masa-masa akan datang, ini akan ditimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab tentang perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pindaan Akta Syarikat 1965.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang ini.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasa 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 3 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang yang saya ada memberi notis bahawa seksyen 16(8)(a) baharu dibatalkan perkataan-perkataan selepas '*the proposed company is likely to be used for unlawful purposes*'. Tujuan cadangan ini adalah kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi beberapa penjelasan mengenai tujuan pindaan ini tetapi tidak memuaskan. Oleh kerana kerajaan sendiri ada kata beberapa masa dahulu bahawa kerajaan mahu ambil .....

**Dato' Haji Shukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*].

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya bangun atas point of order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order 57(4)(a),(b) dan (c). Yang Berhormat dari Tanjong telah mencadangkan satu pindaan di bawah Peraturan Mesyuarat 57(2) meminda Fasal 3 iaitu cadangan seksyen 16(8)(a) baru dibatalkan perkataan-perkataan selepas '*the proposed company is likely to be used for unlawful purposes*'.

Peraturan Mesyuarat 57(4), Tuan Pengerusi, '*Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan itu kepada mesyuarat jika pada fikirannya pindaan itu*

- (a) *akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya; atau*
- (b) *sia-sia; atau*

- (c) *jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain.*

Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 57(4) ini pada saya mesti dibaca bersama dengan Peraturan Mesyuarat 28 kerana Peraturan Mesyuarat 57(5), Tuan Pengerusi, *'Syarat-syarat perenggan (4) dalam Peraturan Mesyuarat 33 hendaklah dipakaikan dalam perbahasan atas pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang dan di mana-mana jua dikehendaki, perkataan "usul" atau "masalah" ditukarkan jadi "fasal" dan apa-apa pindaan dicadangkan atas pindaan demikian itu hendaklah diselesaikan sebelum diambil keputusan'.*

Jadi, Peraturan Mesyuarat 57(4) pada saya mesti dibaca bersama dengan Peraturan Mesyuarat 28, Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat 28, *'Jika seseorang ahli hendak mengubah isi-isi sesuatu usul yang terdiri dengan namanya, maka bolehlah diubahnya dengan menghantarkan kepada Setiausaha, satu pemberitahu meminda usulnya itu tetapi disyaratkan iaitu pindaan itu, pada timbangan Tuan Yang di-Pertua, tidak mengubah.....'*, sekali lagi saya tekankan, *'tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu pada perkara besar-besar. Pemberitahu meminda usul itu adalah mula berjalan daripada mana pemberitahu usul mula-mula'.*

Tuan Pengerusi, cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong akan mengubah keseluruhan maksud pindaan kepada Akta Syarikat ini. Tujuan pindaan Akta Syarikat ini ialah untuk menjadikan sesuatu company yang menggunakan syarikat berkenaan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang, boleh mengambil tindakan terhadap mereka, ataupun dengan kata lain, supaya mereka ini didaftarkan di bawah ROS. Jika cadangan Yang Berhormat dari Tanjong ini diterima, Tuan Pengerusi, iaitu membatalkan perkataan *'the proposed company is likely to be used for unlawful purposes'* maka keseluruhan maksud pindaan atas Akta Syarikat ini tidak membawa makna lagi,

Tuan Pengerusi, kerana itulah hasrat pindaan sebenar. Dan lagi Tuan Pengerusi, di bawah Peraturan Mesyuarat 57(4)(c) '*jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain*'. Dengan kata lain, Tuan Pengerusi, jika perkataan ini dibatalkan '*the proposed company is likely to be used for unlawful purposes*', bermakna maksud keseluruhan Seksyen 16(8)(a) tidak membawa apa-apa makna, tidak bermakna langsung. Sebab itulah tujuan diperkenalkan seksyen baru ini, iaitu untuk menangani syarikat yang menggunakan kedudukan syarikat itu untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang.

Jadi, pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, pindaan Fasal 3 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah bercanggah dengan Peraturan 57(4)(c) dibaca bersama dengan Peraturan Mesyuarat 28 Dewan Rakyat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat dari Machang, notis pindaan ini telah dihantar kepada kita dan kita telah teliti dan kita telah bersetuju untuk membenarkan Yang Berhormat dari Tanjong membentangkan pindaan sepertimana yang telah dicadangkan. Itu tertakluk kepada keputusan Dewan ini sama ada pindaan itu tidak diterima ataupun sebaliknya.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat dari Tanjong dapat mengemukakan pindaan ini dan selepas ini dapat dibahaskan. Yang Berhormat akan memutuskan kepada Dewan sama ada menerima atau menolak. Daripada kita sebagai Pengerusi, kita telah teliti notis diberikan dan kita benarkan pindaan ini setakat untuk dikemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, untuk menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, kalau perlulah. Daripada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ialah bukan *batalan* '*the proposed company is*

*likely to be used for unlawful purposes*'. Dia cadang kekalkan perkataan-perkataan ini, *'the proposed company is likely to be used for unlawful purposes'*, tetapi perkataan-perkataan selepas itu dibatalkan. Itu yang dicadangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang. Yang sebenarnya, kenapa saya kemukakan cadangan ini. Sebab-sebab ini tidak digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya percaya inilah apa semua Ahli Parlimen Barisan Nasional diberitahu dalam taklimat pre-council. Tujuan yang sebenar - hidden agenda. Inilah hidden agenda yang diakui, satu confession yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Machang bahawa tujuan sebenar ini ialah digunakan terhadap NGOs. Itulah apa saya tanya tadi dan saya tidak dapat satu penjelasan yang memuaskan. Tetapi tadi Yang Berhormat dari Machang telah terus terang kata inilah maksud .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat sila teruskan dengan pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu mengenai kenapa saya mahu kemukakan cadangan ini, bahawa tujuan sebenar hidden agenda pindaan mengadakan Fasal 16(8) yang baru ialah supaya adalah skop, adalah peluang, adalah ruang di mana tindakan boleh digunakan terhadap NGO-NGO yang bukan komersial dan di mana sekarang kita tahu bahawa ada NGO-NGO yang bergiat sama ada di bawah ROS atau ROC. Sungguhpun kerajaan mahu semua NGO-NGO disatukan di bawah ROS tetapi ada NGO-NGO yang beroperasi di bawah ROC. Adakah kerajaan selepas pindaan ini atas apa Yang Berhormat dari Machang kata bahawa semua NGO-NGO yang bukan komersial tujuan mereka tidak sah, tujuan kita tidak sah dan sebab itu patut tindakan diambil. Itulah satu confession. Saya ucapkan terima

kasih kepada Yang Berhormat dari Machang. Kali yang pertama sekurang-kurangnya dia buat confession yang kerajaan belum rela buat confession. Itulah tujuan dan sebab itu ada satu pindaan ini supaya kalau kita mahu satu masyarakat madani.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia minta jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta penjelasan, Yang Berhormat  
.....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....Nanti, nanti ya. Kalau kita mahu satu masyarakat madani kita perlu menggalakkan NGO-NGO untuk bergiat. Kita bukan terlalu banyak NGO. Sebenarnya kita terlalu kurang NGO. Kalau kita mahu satu vibrant civil society, masalah bukan bagaimana untuk menyekat kegiatan operasi mereka tetapi bagaimana kita boleh menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia bahawa ada tanggungjawab untuk memupuk satu vibrant civil society. Sungguhpun kerajaan mungkin tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan mereka, tidak bersetuju dengan kegiatan-kegiatan mereka semacam dalam akhir tahun ini apabila ada APEC Summit, pemimpin tokoh-tokoh negara APEC ada Mesyuarat Kemuncak, tentu adakan satu NGO's People Summit. Oleh kerana ini telah menjadi satu kelaziman apabila ada mesyuarat antarabangsa pun ada satu mesyuarat NGO - Alternative Conference. Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak akan begitu bersimpati dengan mengadakan satu People Summit yang dianjurkan oleh NGO-NGO. Semacam apa yang berlaku dalam dua tahun dahulu apabila ada NGO-NGO menganjurkan APCET (Asia Pacific - East Timor) Conference yang kedua di mana telah dikacau oleh beberapa kumpulan yang begitu tidak bertanggungjawab dan antinasional sehingga boleh kata traitorous elements.

Dua hari dahulu pada hari Ahad, di Pulau Pinang ada satu seminar, boleh dikatakan satu seminar government austerity audit di mana ada dihadiri oleh beberapa NGO dan rakyat Malaysia yang berprihatin mengenai satu masyarakat madani dan mereka ada meluluskan satu ketetapan menyeru semua Ahli Parlimen supaya menggalakkan pertubuhan pembangunan satu masyarakat madani yang vibrant bahawa pindaan-pindaan semacam ini ditarik balik. Saya tahu perkara 57 mengenai pindaan, sebab itu saya tidak cadang bahawa batalkan segala perkataan atau segala peruntukan. Sebenarnya saya pun mahu membatalkan 'unlawful purposes', tetapi kita tahu ada banyak orang seperti Yang Berhormat dari Machang yang akan membangkitkan Peraturan Mesyuarat 57.

Saya harap kita boleh dapat satu jaminan yang tegas bahawa apa yang dikatakan Yang Berhormat dari Machang, bahawa kerajaan mahu ada skop untuk ambil tindakan terhadap NGO-NGO yang bukan komersial supaya tidak memberi keizinan untuk mendaftarkan, memberi kebenaran kepada permohonan-permohonan NGO-NGO oleh kerana mereka tidak berbentuk komersial oleh kerana kegiatan mereka tidak disenangi oleh kerajaan, oleh kerana mereka mahu memupuk satu vibrant civil society yang boleh dianggap bertentangan dengan hasrat kerajaan dan jatuh di bawah 'prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia' bahawa pindaan ini dipinda mengikut cadangan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Notis Pemberitahu Pindaan itu sekarang terbuka untuk dibahas. Ya. Machang.

**4.34 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tuan Pengerusi cadangan pindaan kepada Fasal 3 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong berhubung dengan perkara 16(8)(a) baru, batalkan perkataan selepas 'the

purposed company is likely to be used for unlawful purposes'. Sememangnya jika cadangan ini diterima, Tuan Pengerusi, bermakna tentu kegiatan-kegiatan kompeni syarikat yang prejudicial kepada kedudukan keselamatan negara. Pada amnya, Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat yang menggunakan unlawfull purposes ataupun yang bersalahan dengan tujuan penubuhan yang bersalahan dari segi undang-undang, adalah pada asasnya satu syarikat yang menjalankan kegiatannya bercanggah dengan kepentingan-kepentingan orang ramai.

Jadi, Tuan Pengerusi, jika perkataan selepas daripada perkataan itu dipinda, jadi ini tidak membawa makna bahawa sebenar tujuan pewujudan perkataan 'the proposed company is likely to be used for unlawful purposes'. Banyak syarikat yang digunakan untuk tujuan unlawful purposes, tetapi pada prinsipnya ada juga syarikat yang tidak boleh mengancam keselamatan orang ramai. Jadi, jika satu-satu syarikat itu adalah sebuah syarikat yang menjalankan kegiatan bercanggah dengan kegiatan atau tujuan penubuhan asalnya dan kemudian kegiatannya itu bercanggah dengan kepentingan orang ramai yang merbahayakan keselamatan, maka ianya bolehlah diambil tindakan di bawah fasal berkenaan.

Jika cadangan Yang Berhormat dari Tanjong diterima, saya rasa maksud sebenar Fasal 16(8)(a), ini tidak akan membawa apa-apa makna. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa cadangan ini tidak perlu diterima untuk dipinda seperti yang dicadangkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Teluk Intan.

**4.36 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menerima baik cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kerana ia memberi satu makna yang baik kepada semua kegiatan NGO dalam negara ini. Bukankah masa telah datang sebenarnya supaya satu program liberalisme yang dikatakan, digalakkan oleh kerajaan patut diberi lebih makna

supaya syarikat-syarikat yang ada kena-mengena dengan NGO bukan sahaja dibenarkan tetapi digalakkan supaya mereka dapat mendaftar mengikut akta ini dan menjalankan kegiatan-kegiatan yang dibenarkan dari segi undang-undang. Dengan menggunakan 'unlawful purpose', Tuan Pengerusi, saya rasa perkataan ini adalah sangat 'keras', dengan izin, dan ia akan mengakibatkan banyak NGO yang akan diberhentikan dalam menjalankan tugas. Kita sebagai Ahli Parlimen lebih tahu daripada orang ramai bahawa NGO telah dan sedang menjalankan kegiatan yang baik di negara ini walaupun beberapa kali mereka mengkritik akan kegiatan-kegiatan atau polisi-polisi kerajaan. Bukan oleh kerana mereka mengkritik menjadi satu masalah supaya mereka perlu, dengan izin, dibinasakan.

Jadi, bila kita membuat perkara ini dengan sekali gus menunjukkan bahawa kerajaan tidak menjalankan prinsip-prinsip yang diamalkan:

- (i) masyarakat madani; dan
- (ii) mengatakan bahawa kita mengamalkan liberalisme.

Jadi, dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong, saya bukan sahaja menyokong tetapi saya harap semua Ahli Palimen yang ada di Dewan ini dapat tahu bahawa kalau kita membenarkan akta dengan tidak ada pindaan, ia akan membawa satu perkara yang tidak baik bukan sahaja kepada NGO tetapi kepada kegiatan bermakna demokrasi dalam negara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan Yang Berhormat dari Teluk Intan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sudah habis.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat sudah habis berucap atau hendak beri peluang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan. Berhubung dengan pindaan fasal ini, saya minta penjelasan, Yang Berhormat pun sebagai seorang peguam, saya tahu beliau faham dengan kedudukan Fasal 3 pindaan kepada 16(8)(a) yang baru. Jika perkataan 'the purposed company is likely to be used for unlawful purposes' kekal, kemudian perkataan selepas itu dibatalkan, perkataan selepas daripada itu ialah 'or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia'. Jika perkataan itu dikeluarkan kesemuanya, bermakna Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya perkataan 'unlawful purposes' itu dikekalkan dan yang lain semuanya dibuang.

Adakah ini Yang Berhormat bermaksud bahawa sesuatu syarikat yang menjalankan kegiatan yang prejudis kepada keamanan negara, prejudis kepada kebajikan negara, prejudis kepada keselamatan negara, prejudis kepada public order dan morality rakyat Malaysia, adakah persatuan-persatuan seperti ini, syarikat ini perlu dibenarkan di dalam negara kita? Adakah ini bermakna Yang Berhormat mahu mereka ini wujud dalam negara kita? Sebab kalau perkataan itu dibuang, bermakna ini tidak mencakupi, yang adanya ialah 'unlawful purposes' sahaja. Jadi, syarikat yang menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan keselamatan negara, syarikat yang bercanggah dengan keamanan negara, syarikat yang bercanggah dengan public order, yang bercanggah dengan morality rakyat Malaysia adakah ini boleh dibenarkan? Kalau itu cadangan Yang Berhormat dari Tanjong diterima. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya tidak hairan dengan pandangan Yang Berhormat dari Machang ini sekarang sangat berbeza. Mengenai

makna 'unlawful purposes', kita sebenarnya bila pindaan ini dibuat, dihadkan supaya bukan terlampau, bukan dikatakan kita membuka satu net yang terlampau supaya semua kegiatan NGO dapat tertangkap dalam makna ini. Itulah saya percaya, cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong ini patut diterima.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan sedikit, lagi. NGO tidak perlu bimbang, Tuan Pengerusi, NGO boleh mengambil tindakan mendaftarkan pertubuhan di bawah ROS. Boleh ambil tindakan mendaftar di bawah ROS. Ada 29,000 pertubuhan dalam negara kita ini yang kerajaan telah daftarkan.

Mengapa bimbang sangat? Yang ingin dikawal oleh perkara ini pada pandangan saya ialah bahawa mereka yang membekalkan sebagai syarikat mempunyai kewangan dan sebagainya menggunakan secara tidak sah. Kalau hendak bergerak secara NGO yang sah di sisi undang-undang, ambil tindakan daftar di bawah ROS, tidak ada masalah.

Jadi mengapa sangat bila perkara ini dibentangkan, nampaknya cadangan untuk memasukkan purposes prejudicial dengan keamanan negara, welfare, security, public order, good order, morality rakyat Malaysia ini. Mengapa ini sangat-sangat dipertahankan? Sebab ada pertubuhan-pertubuhan yang sah disisi undang-undang, yang tidak bercanggah dengan undang-undang tetapi menjalankan kegiatan yang pada asasnya mengancam keselamatan negara. Ini yang tidak mahu, kalau dia hendak menjalankan kegiatan biasa, boleh daftarkan di bawah ROS. Saya minta penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, Machang telah membangkitkan dua perkara. Satu, kenapa NGO tidak didaftarkan di ROS dan kedua, perkataan-perkataan ini.

Saya akan jawab perkara yang pertama iaitu kenapa NGO-NGO tidak dapat mendaftarkan dengan ROS. Kita sedia maklum bahawa di negara ini bukan senang hendak register atau mendaftar apa-apa pertubuhan dengan ROS. Memakan masa. Nombor dua, mungkin Machang enggan tahu bahawa bila permohonan dibuat kepada ROS, seperti saya difahamkan Amnesty International yang dikatakan tidak mendaftar. Kerajaan mengatakan tidak mendapat permohonan.

Juga, banyak badan yang ingin membuat pendaftaran bukan sahaja mengambil masa tetapi ROS menjalankan banyak investigation untuk mengetahui siapa yang menjalankan badan tersebut, adakah mereka ada hak, mereka menjalankan interview. Ini mengambil masa berbulan-bulan dan pada pengetahuan saya sendiri dalam satu pertubuhan di Ipoh telah memakan masa lebih satu tahun. Jadi dalam masa itu, spirit dan effectivenessnya telah mati.

Jadi, untuk mengelakkan perkara macam ini, seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sahabat Alam Malaysia sendiri telah didaftarkan sebagai satu syarikat di bawah Companies Act, tetapi selepas itu telah didaftarkan di ROS. Bukankah ini satu perkara yang patut dielakkan. Pada permulaannya, biarlah mereka didaftarkan di bawah Akta Syarikat, selepas itu mereka didaftarkan di ROS. Itu jawapan saya kepada soalan yang timbul kepada perkara yang pertama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Khasnya mengenai soalan Ahli daripada Machang bahawa bukannya kalau kita tinggalkan bahagian 'or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia', ini bererti bahawa kita mahu syarikat dibenarkan, sungguhpun mereka ada 'purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia', bukannya ini satu hujah-hujah yang sangat cetek, memutarbelitkan? Adakah ini bererti bahawa kalau kita tidak

meluluskan pindaan ini bahawa selama ini ada syarikat yang ditubuhkan yang bertindak, yang bergiat, prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia?

Akta ini Akta Syarikat 1965 - 33 tahun, adakah selama 33 tahun ada syarikat-syarikat di negara kita yang bertindak prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu apa syarikat itu, berapa syarikat itu? Itu bukan masalah, apa kita cadang bahawa bahagian itu ditinggalkan oleh kerana kita tahu bahawa bahagian ini bukan digunakan untuk menjaga kepentingan good order and public morality akan digunakan terhadap NGO yang tidak disenangi oleh kerajaan. Itulah sebenarnya satu NGO bill, anti-NGO bill.

Saya sangat hairan sungguhpun patut tidak rasa hairan Yang Berhormat Machang sudah timbul, muncul sebagai anti-NGO Ahli Parlimen yang pertama di negara kita. Semua dia kata, kenapa NGO perlu takut, boleh minta permohonan di bawah ROS. Kita semua tahu kenapa mereka tidak suka? Oleh kerana sikap yang begitu tidak menggalakkan NGO-NGO, sikap yang menyekatkan kegiatan-kegiatan NGO. Ini bukan oleh kerana jangan memutarbelitkan kata bahawa kita mahu syarikat-syarikat, incompatible with peace, boleh langgari welfare, security, public order, good order or morality. Kalau begitu tanggungjawab kerajaan ialah ada cukup undang-undang untuk ambil tindakan. Apa yang kita khuatir di sini ialah ini satu anti-NGO provision under the cover iaitu untuk good order, public morality. Itu bukan, sebab itu jangan kita mislead rakyat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, jawapan kepada bahagian kedua ini sebenarnya telah diberi oleh rakan saya dari Tanjong dan sekaligus dengan izin, dissolve argument oleh Yang Berhormat dari Machang. Selain dari itu Tuan Pengerusi...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Penjelasan saya, Yang Berhormat dari Teluk Intan, belum menjawab soalan saya lagi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya belum habis...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan. It is not fair, rakan saya Yang Berhormat dari Tanjong pukul saya dengan peluang yang diberi oleh Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak beri kepada saya, saya tidak boleh minta peluang kepada dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri atau tidak?

**Tuan M. Kulasegaran:** Beri, beri.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya kembali kepada isu pokok. Isu pokok yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjong ialah untuk meminda seksyen ini '*the proposed company is likely to be used for unlawful purposes*', stop at that, Okay. Kemudian semua perkataan selepas itu akan dibuang. Itu cadangan Yang Berhormat dari Tanjong. Perkataan yang akan dibuang ialah:

*'Any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia'.*

Ini bermakna Yang Berhormat dari Tanjong berkehendakkan bahawa kalau satu-satu syarikat menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan keamanan, yang bertentangan dengan kebajikan, yang bertentangan dengan keselamatan, public order and good morality in Malaysia, adakah syarikat-syarikat seperti ini boleh dibenarkan untuk bergiat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat - sangkaan jahat. Itu sangkaan jahat. Bahawa saya mahu syarikat-syarikat againts public order - itu sangkaan jahat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya bukan minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Teluk Intan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila pendekkan. Kita telah beri banyak masa.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya sudah sebutkan tadi, cuba lihat betul-betul. Ini cadangan pindaan, Tuan Pengerusi - *'the proposed company is likely to be used for unlawful purposes'*. Ini kekal, yang lain daripada seksyen ini potong. Perkataan yang akan dipotong ialah *'or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia'*.

Adakah ini bermaksud pihak pembangkang berkehendakkan satu syarikat yang menjalankan kegiatan yang prejudis kepada keamanan negara? Satu syarikat yang menjalankan kegiatan yang prejudis kepada welfare dan security negara ini, public order dan morality in Malaysia. Adakah syarikat ini dibenarkan wujud? Kalau itulah dicadangkan bermakna syarikat ini boleh wujud. Dia jalankan kegiatan yang bercanggah dengan keamanan negara, tidak apa, dia jalankan kegiatan yang bercanggah dengan morality rakyat Malaysia, tidak apa, kalau cadangan itu diterima. Saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, minta pendekkan Yang Berhormat. Kita telah beri banyak masa untuk pindaan. Ada satu pindaan lagi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Sebenarnya kalau saya nak jawab kepada perkara yang dibangkitkan perkara ini telah pun dijawab oleh ahli dari Tanjong. Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin bangkitkan selain dari itu ialah memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang mustahak, adakah Kerajaan telah berbincang kepada NGO-NGO dalam negara sebelum ini dibawa ke Dewan ini memandangkan perkara ini sangat mustahak dan kena-mengena dengan beberapa ratus NGO. Adakah mereka telah mengadakan forum-forum atau berbincang dengan mereka sebelum membawa pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri ada apa-apa komen ke atas pindaan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, saya fikir apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tak benarlah. Saya telah menjelaskan tujuan pindaan ialah untuk membolehkan NGO-NGO didaftarkan di bawah R.O.S., syarikat-syarikat yang bermotif komersial didaftarkan dan bergerak sebagai syarikat. Itu tujuan dan saya pun telah menjelaskan bahawa kerajaan tidak ada cadangan atau apa-apa sebab untuk menggulungkan mana-mana syarikat yang berperanan NGO-NGO setakat ini oleh kerana tidak ada maklumat. Saya telah menjelaskan bahawa untuk mengemukakan memorandum ke mahkamah kita perlukan beberapa asas iaitu, syarikat itu menjalankan kegiatan "*prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality*". Belum ada setakat ini, jadi kalau Ahli Yang Berhormat itu katakan yang kerajaan punyai hidden agenda yang disuarakan oleh Machang itu tidak benar dan saya menafikan sekeras-kerasnya. Ahli Yang Berhormat pun tidak sebut mengenai hidden agenda.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya sudah menjelaskan terdapat beratus-ratus NGO yang bergerak, yang daftar dan bergerak di bawah R.O.S. tidak ada sekatan,

tidak ada cadangan untuk mengambil tindakan terhadap mereka melainkan mereka menyalahi undang-undang yang sedia ada. Dan juga kalau kita tidak adakan ini dan kalau syarikat ditubuhkan di bawah R.O.S syarat ini sudah ada di mana Pendaftar Syarikat boleh mengambil tindakan terhadap pertubuhan yang *“is used for unlawful purposes or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia”*. Kalau peruntukan yang sama tidak diadakan dalam Akta Syarikat maka syarikat yang sebenar-benarnya merupakan memainkan peranan NGO tidak dikawal mengikut syarat ini walhal lain-lain pertubuhan yang mendaftar di bawah R.O.S. disekat oleh perkara ini.

Maka, Tuan Pengerusi, penjelasan-penjelasan lain tidak perlu, kita tidak menyekat peranan dan kita galakkan NGO. Kerajaan melalui kementerian-kementerian selain daripada memberi galakan, juga ada memberi bantuan kewangan untuk NGO-NGO yang memainkan peranan dan membuat sumbangan kepada masyarakat dan negara dengan baik. Mungkin mengenai perkara-perkara ataupun kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh NGO ataupun mesyuarat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah di bawah bidang kuasa polis dan pihak-pihak yang bertanggungjawab mengenai peace, public order, security dan sebagainya. Mengenai pendaftaran, kalau pendaftaran mengambil masa .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' S. Subramaniam:** Tidak, saya tidak perlukan, ini debate mengenai fasal ini, cukuplah. Pendaftaran mengambil masa - kalau pendaftaran di bawah R.O.S. mengambil masa, memang benar bahawa kalau ada mana-mana pertubuhan bukan sahaja NGO, mana-mana pertubuhan yang didaftar dalam negara kita, pihak yang bertanggungjawab menjalankan penyiasatan mengenai latar belakang dan

tujuan dan sebagainya. Kalau ini mengambil masa ini bukan salah, mungkin kementerian dan R.O.S. ada sebab-sebab tertentu. Jadi di bawah pendaftaran syarikat kita tidak ada infrastruktur ataupun kemudahan untuk menjalankan siasatan ataupun mengenai latar belakang pengarah-pengarah dan juga apakah leaning dia, atau apakah maksud sebenarnya dan sebagainya, maka NGO perlu didaftarkan, lebih sesuai didaftarkan di bawah R.O.S. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan sebagaimana yang dicadangkan di dalam notis pemberitahu itu tadi hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 4 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 11 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan pindaan kepada fasal 11(c) membatalkan perkataan-perkataan selepas “(m) *the company is being used for unlawful purposes ....*” dan bentuk yang serupa tadi tapi tujuan yang berbeza di mana di sini memberi kuasa kepada R.O.C. untuk petisyen mahkamah menggulungkan satu syarikat atas sebab-sebab yang sama bahawa “*purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia*”.

Di sini saya mahu menegaskan bahawa apa kita buat cadangan untuk pindaan semacam ini bukan kita mahu champion apa kegiatan-kegiatan yang “*prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia*”. Jangan kita lari daripada concern, keprihatinan masyarakat NGO-NGO dalam negara sekarang ialah bahawa rang undang-undang ini ialah satu perundangan satu anti NGO Legislation. Saya tidak berani kata

begitu sehingga tadi oleh kerana sungguhpun kita ada suspect bahawa itu tujuan sebenar, ada hidden agenda bahawa tujuan itu tersirat dalam rang undang-undang ini. Tapi kita takut kata kita barulah boleh suarakan keprihatinan, kekhuatiran, community masyarakat NGO-NGO sehingga Yang Berhormat dari Machang mengakui membuat satu confession itulah tujuan bahawa NGO yang tidak sah, tujuan tidak sah, tidak boleh dibenarkan dalam R.O.C., kalau mahu pergi R.O.S. Itulah tujuan. Sebab itulah saya sekarang berani kata inilah anti-NGO legislation dan sebab kenapa adalah seruan yang dibuat oleh NGO-NGO dalam beberapa hari ini bahawa pindaan-pindaan semacam ini patut dibatalkan. Kalau kita mahu satu masyarakat madani dalam negara kita bukankah cakap sahaja tetapi sebenarnya ‘action’, tindakan pun ada. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata bahawa tidak ada rancangan, untuk menggulungkan apa-apa NGO, tetapi perkataan yang penting ialah setakat ini, tidak ada rancangan setakat ini, setakat ini sehingga bila, sehingga satu bulan atau sehingga rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara dan menjadi undang-undang, satu bulan, dua bulan, setakat selepas itu? Adakah satu rancangan, satu dasar baru bahawa semacam kita dibayangkan oleh Yang Berhormat dari Machang, bahawa segala NGO yang tidak berbentuk komersial tak patut dibenarkan di bawah R.O.C.

Di sini saya mahu bertanya adakah NGO-NGO sekarang yang jatuh dalam skop ini bahawa mereka ada “*purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality*”. Adakah Tenaganita, kita tahu bahawa Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez sekarang dalam mahkamah ada bicara ‘false news’ oleh kerana ada satu laporan mengenai layanan yang tidak perikemanusiaan yang diberi kepada pekerja-pekerja haram dalam Semenyih, ‘false news’. Kita tidak tahu apakah yang akan berlaku sungguhpun tidak sesiapa adalah optimistik. Kalau akhirnya apa-apa kesalahan, adakah Tenaganita dilihat sebagai satu syarikat oleh kerana didaftar di bawah Akta Syarikat dilihat, dianggap sebagai satu badan, satu syarikat ada “*purpose prejudicial to or incompatible with*

*peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia”* dan sebab itu Pengarahnya didakwa dalam mahkamah. Adakah SUARAM kerana membela hak asasi segala bentuk dalam Malaysia pun suatu hari akan-oleh kerana tidak disenangi oleh kerajaan Malaysia oleh kerana ia ada “*purpose prejudicial to incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality in Malaysia*”.

Itulah sebab kita kata bahawa ini satu legislation, anti-NGO Legislation bahawa dalam Dewan ini ada seorang anti-NGO, Ahli Parlimen dari Machang dan itulah sebab saya harap bahawa kita boleh memberi pertimbangan yang serius, yang sedalam-dalamnya supaya kita mahu menggalakkan satu ‘vibrant civil society’. Kenapa kita berkehendakkan semua NGOs di bawah R.O.S. Kita patutlah membenarkan ada ruang oleh kerana R.O.S. tidak membenarkan perkembangan NGO-NGO. Adakah Kerajaan rela mengadakan satu dasar yang baru terhadap NGO ‘a new policy on NGOs’ supaya tidak meningkat kegiatan mereka, tidak ambil satu sikap kalau mereka ada pendirian yang berbeza dengan Kerajaan, mahu cap mereka sebagai anti nasional, sebagai boneka, anasir-anasir atau ‘international forces’ bahawa mereka ‘puppet conspiracy’ antarabangsa, adakah kita rela ada satu dasar NGO yang baru, yang membolehkan NGO-NGO bergiat sungguhpun tidak ada perbezaan pendirian atas banyak perkara yang penting dan mustahak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya. Saya cadang dikemukakan untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang tertera di dalam notis pemberitahu pindaan sekarang ini dibuka untuk dibahas. Machang.

**Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong tadi menuduh saya anti-NGO. Kalau Yang Berhormat menuduh saya anti-NGO dengan cadangan ini secara jelas bahawa Yang Berhormat adalah sebenarnya yang setuju dan suka kepada sebuah pertubuhan yang mengancam

keselamatan negara. Yang mengancam moraliti rakyat Malaysia kerana pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjong itulah maksudnya. Nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong suka sangat jika ada mana-mana pertubuhan dalam negara ini yang bergerak walaupun ianya adalah prejudis kepada keamanan negara ini. Walaupun ianya prejudis kepada kebajikan (welfare) dan keselamatan negara ini. Walaupun pertubuhan berkenaan mengancam 'public order' negara ini, walaupun pertubuhan berkenaan mengancam moraliti rakyat negara ini, nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong memperjuangkan pertubuhan-pertubuhan sedemikian.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab telah terbukti secara nyata Tuan Pengerusi, selama ini apa maksud NGO, NGO sebenarnya ialah pertubuhan yang tidak ditubuhkan oleh kerajaan, semua NGO, semua pertubuhan yang tidak didaftarkan oleh kerajaan, pertubuhan-pertubuhan yang tidak ada dikendalikan oleh kerajaan yang lain semuanya NGO. Saya percaya angka yang didaftarkan dalam negara ini telah menunjukkan bahawa di bawah pertubuhan sahaja terdapat 29,000 pertubuhan didaftarkan dalam negara ini, hampir 54,000 cawangan, Tuan Pengerusi, adakah ini menunjukkan dengan jelas, adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan menyekat .....

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan Menteri bangun ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Machang sama ada di antara perkara-perkara yang hendak ditentukan oleh pindaan ini ialah misalnya dalam pertubuhan kita perlu ada sekian ramai ahli barulah pertubuhan ini

dibenarkan tetapi dalam syarikat, sebuah syarikat hanya memerlukan dua orang dengan modal berbayar seringggit dan syarikat ini boleh bergerak. Syarikat ini tidak perlu menghantar apa-apa juga laporan kepada pihak Pendaftar Pertubuhan sebaliknya syarikat ini hanya menghantarkan 'annual report', 'annual return' untung rugi syarikat dan sebagainya kepada Pendaftar Syarikat. Jadi ini mungkin salah satu daripada perkara yang hendak ditentukan oleh pindaan ini. Apa penjelasan Yang Berhormat berkenaan perkara ini?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Gerik. Ya. Kalaulah satu-satu syarikat ataupun satu pertubuhan benar-benar hendak menjalankan kegiatan-kegiatan yang secara sah di sisi undang-undang, tidak payah berselindung, mengapa pergi berselindung, berselindung di balik sebuah syarikat yang hanya boleh ditubuh oleh dua orang, kemudian menggunakan paidup capital satu ringgit kemudian menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan keamanan negara, tiba-tiba R.O.C. tidak boleh nak ambil tindakan windup kerana peruntukan ini tidak ada di bawah R.O.C. Jadi mereka ini bebas menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan keamanan negara ini, yang bercanggah dengan psikologi negara ini, yang bercanggah dengan moraliti rakyat Malaysia. Adakah ini Yang Berhormat dari Tanjong inginkan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Timbalan Menteri bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Penjelasan, Tuan Pengerusi, walaupun aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan ini ataupun syarikat ini tidak bercanggah dengan kepentingan ataupun keselamatan negara tetapi kadangkala syarikat ini menggunakan nama pertubuhan seolah-olah ianya mewakili beratus-ratus orang ahli sedangkan ahli yang mewakili pertubuhan ini hanya dua orang. Adakah ini juga salah satu perkara yang hendak ditentukan pindaan ini?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Benar, Tuan Pengerusi, benar, saya setuju, pertubuhan-pertubuhan seperti ini kadang-kadang menjadi 'champion' seolah-olah mereka ini jaguh demokrasi, jaguh keadilan manusia, lihat director, dua orang Tuan Pengerusi, siapa pilih dia, dia pilih dia sendiri Tuan Pengerusi, sebab 'a director of the company can be appointed', dia sendiri boleh melantik diri dia. Dia sendiri yang lantik, kemudian keluar 'champion', kita jaguh demokrasi, kita memperjuangkan demokrasi, kita memperjuangkan alam sekitar, ahli dua orang, Tuan Pengerusi. Sebab itu kalau betul-betul memperjuangkan demokrasi, nak jadi jaguh keadilan, ayuh daftar di bawah R.O.S., di bawah R.O.S. keahliannya ramai, Tuan Pengerusi, cukup lengkap peraturan-peraturan ada di bawah R.O.S. Mengapa pergi berselindung di bawah R.O.C. yang hanya memerlukan dua ahli, 'annual return' tidak perlu hantar, kemudian bila R.O.C. mendapati mereka ini salah tidak boleh nak bawa windup ke Mahkamah, maknanya seolah-olah mereka menggunakan peruntukan R.O.C., peruntukan Akta Syarikat yang sedia ada ini

untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan kepentingan negara. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong nak mempertahankan ini, saya percaya ini Yang Berhormat, Yang Berhormat selaku Ahli yang veteran, tidak layak saya rasa duduk dalam Dewan ini, kalau nak mempertahankan pertubuhan-pertubuhan seperti ini.

Pertubuhan yang mengancam keselamatan negara, yang mengancam moraliti rakyat Malaysia, apakah kita nak pertubuhan-pertubuhan seperti ini, parti Yang Berhormat, DAP sebagai sebuah parti yang berdaftar sah di bawah undang-undang, ada orang ganggu, parti PAS sebuah parti sah walaupun tidak hantar penyata tahunan, ada orang ganggu, tidak ada kerana mereka bergerak sebagai sebuah parti yang sah di sisi undang-undang tetapi kalaulah mana-mana pertubuhan cuba untuk berselindung di bawah undang-undang, saya percaya kalau kerajaan tidak ambil tindakan, kerajaan ini akan ditolak oleh rakyat dalam pilihan raya yang akan datang, Tuan Pengerusi. Kalau kerajaan ini tidak berani, kerana jelas ia mengancam keselamatan negara.

Kita tidak boleh berkompromi dengan mana-mana pihak apatah lagi pertubuhan yang berselindung di sebalik sesuatu company untuk menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan keamanan negara. Sebab ancaman kepada negara tidak ada harganya Tuan Pengerusi. Pengalaman kita dalam tahun '69 jelas menunjukkan, Tuan Pengerusi, kita tidak mahu peristiwa ini berulang sekali lagi, kalau kita membiarkan perkara-perkara seperti ini seolah-olah kita membiar dan

meletakkan keselamatan rakyat dalam negara ini kepada satu tahap yang tidak boleh dijamin dan kalau ini diambil oleh kerajaan, kerajaan ini akan dituduh oleh rakyat sebagai sebuah kerajaan yang tidak bertanggungjawab dengan demikian, Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya cadangan pindaan Yang Berhormat dari Tanjong ditolak dan tidak perlu diterima, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**5.10 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pindaan itu diterima secara sebulat suara. *[Ketawa]*. Kerana di dalam rang undang-undang ini kalau maksud pihak kerajaan ialah untuk menggalakkan NGO maka kita mesti buat peruntukan-peruntukan yang tidak begitu ketat kerana saya boleh baca di sini bahawa Fasal 11, tujuan meminda subseksyen 218(1) Akta untuk mengadakan alasan tambahan bagi mahkamah menggulung secara wajib sesuatu syarikat jika syarikat itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang, itu cukup kerana seperti mana yang di sebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak ada undang-undang yang lain yang boleh menyekat sesiapa sahaja yang buat salah. Di sini disebutkan kita boleh ambil tindakan secara wajib untuk syarikat-syarikat atau pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang, terang di dalamnya. Kalau kita hendak menggalakkan NGO mengapa kita tambahkan lagi dan apa yang disebutkan oleh Machang tadi mengenai Tanjong tidak benar sama sekali. Pihak DAP tidak setuju orang yang menyalahi undang-undang ataupun

memudaratkan keselamatan negara ataupun memudaratkan kebajikan negara atau memudaratkan ketenteraman awam. Itu semua kita tidak setuju, cuma kalau kita hendak galakkan NGO maka kita hendaklah memberi peluang kepada mereka. Dan setahu saya bila sesuatu pertubuhan membuat permohonan kepada pihak ROS itu mengambil masa yang panjang juga kerana pihak ROS meneliti semua dari segi keselamatan, dari segi komposisi jawatankuasa dan sebagainya, entah berbulan-bulan hendak diluluskan, sebab pihak ROS mengambil tindakan untuk menyiasat semua, supaya mereka tidak memudaratkan negara. Itu semua dibuang sekarang dan apa salahnya kita tambahkan satu sahaja kalau menyalahi undang-undang tak payah semua ini kalau tidak ada agenda yang lainlah. Kalau ada undang sebalik batu, saya tidak tahu, kalau tidak ada saya menyeru supaya termasuk Yang Berhormat Gerik juga menyokong pindaan ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Gerik bangun, Yang Berhormat. Ya, Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Pengerusi, oleh kerana dia sebut Gerik, saya bangunlah. Tuan Pengerusi saya rasa di negara kita Malaysia kita mempunyai undang-undang, kita ada Akta Syarikat, kita ada Akta Pertubuhan, mungkin Yang Berhormat dari Kepong tidak faham berkenaan dengan Akta Syarikat dan Akta Pertubuhan tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sedia

maklum. Dan kalau lihat misalnya Akta Syarikat kita ada syarikat misalnya persendirian yang mana ahlinya terhad sehingga sekian banyak, kita ada misalnya Syarikat Sendirian Berhad, ahli terhad kepada 50, kita ada kalau misalnya lebih daripada 50 - Syarikat Berhad. Begitu juga kalau misalnya kita hendak menjalankan aktiviti yang merupakan aktiviti pertubuhan tetapi bukannya aktiviti syarikat. Syarikat maksudnya syarikat yang menjalankan aktiviti untuk mendapatkan keuntungan sedangkan misalnya pertubuhan ialah satu kumpulan yang menjalankan aktiviti untuk kepentingan ahli yang bukan kepentingan kewangan. Jadi kita ada perbezaan, kalau kita hendak berjuang untuk kepentingan ahli yang bukan untuk kepentingan kewangan, kita masuk pertubuhan dan di negara kita ini kita ada Pendaftar Pertubuhan, kita ada Pendaftar Syarikat. Pendaftar Syarikat melihat kepada perjalanan syarikat, Pendaftar Pertubuhan melihat kepada perjalanan pertubuhan, maknanya kita mewujudkan specialization di negara kita ini.

Jadi, yang hendak dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang jaga Pendaftar Syarikat, yang jaga berkenaan dengan syarikat, keuntungan, hendak disuruh menjaga berkenaan dengan pertubuhan. Dan kedua-dua ini sepatutnya mereka menghantarkan laporan yang berlainan kepada Pendaftar. Jadi hari ini yang kita hendak selaraskan ialah supaya Pendaftar Syarikat jaga berkenaan dengan syarikat, Pendaftar Pertubuhan jaga berkenaan dengan pertubuhan dan kedua-dua ini juga di bawah kementerian yang berlainan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Gerik itu sejak menjadi Timbalan Menteri Dalam Negari itu terlalu bingung sekarang. Kita tidak menafikan bahawa kita mesti ada undang-undang, setakat secara wajib jika sesuatu syarikat itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang. Itu tak cukup lagi, tambah itu, tambah ini, mungkin Yang Berhormat Gerik itu hendak kata itu di dalam undang-undang, pihak peguam memang ada perkataan yang banyak, yang bertindih-tindih dan sebagainya supaya merangkumi semua, mencangkup semualah, tak boleh lepaskan, pernafasan pun susah, itu yang dimaksudkan tadi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong [*Ketawa*].

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat daripada Kepong.

**Tuan Pengerusi:** Machang nanti kejaplah. Saya ingat ada sedikit kesilapan di sini kerana jika sekiranya kita telah luluskan Fasal 3 tadi, pindaan itu ditolak yang demikian berturutunya Fasal 11 (c) ditolak. Jikalau diterima, makna kata Fasal 11(c) akan bertentangan atau inconsistent dengan Fasal 3. Yang demikian tidak patut .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Berbeza.

**Tuan Pengerusi:** Berbeza tetapi dia punya .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Berbeza tetapi keputusan perlu dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Yalah...yalah. Cukuplah, Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, tidak boleh diterima pindaan yang nombor dua ini, 11 (c) ini kerana ia akan jadi inconsistent dengan Fasal 3. Ahli Yang Berhormat, saya rasa oleh sebab telah ada perbahasan-perbahasan lebih baik saya kemukakan untuk diputuskan sekarang oleh Dewan ini. Tak payahlah berbahas lagi, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan sebagaimana dicadangkan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui.

**Fasal 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 12 dan 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERCETAKAN TEKS AL-QUR'AN (PINDAAN) 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [ Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 326 yang dikenali dengan Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada bulan April 1986 dan diwartakan pada 15 Mei 1986. Cadangan mengadakan undang-undang untuk mengawal percetakan teks Al-Qur'an ini adalah hasil dari keputusan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Bilangan ke-129 yang diadakan pada 8 Februari 1984 demi menjaga kesucian ayat-ayat Al-Qur'an di negara ini. Mengikut Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 semua teks Al-Qur'an yang hendak dicetak, diterbitkan, diimport, diedar atau dijual di negara ini hendaklah terlebih dahulu disemak dan disahkan betul oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Al-Qur'an. yang ditubuhkan di bawah akta berkenaan.

Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 dari segi pengawalannya adalah tertumpu kepada teks Al-Qur'an dan ayat-ayat Al-Qur'an dalam bentuk lembaran kertas sahaja, tidak termasuk format-format lain seperti CD-Rom, disket komputer, pita video, kaset dan sebagainya. Dalam era perkembangan teknologi yang pesat seperti sekarang ini, Al-Qur'an dalam bentuk format yang baru seperti CD-Rom telah menjadi lebih popular kerana di samping ayat-ayat suci Al-Qur'an yang dipamerkan di atas monitor computer, para pengguna juga boleh mendengar bacaannya sekali yang disertakan dengan tajwidnya seperti juga Al-Qur'an dalam bentuk lembaran kertas. Maka Al-Qur'an dalam bentuk format-format di atas juga perlu dikawal bagi menjamin kesahihan ayat-ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalamnya.

Takrif 'teks' Al-Qur'an di bawah Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 dipanggil Mushaf Al-Qur'an. Takrif ini tidak meliputi Al-Qur'an yang dicetak dalam bentuk satu-satu juzuk atau Al-Qur'an yang disertakan dengan terjemahan atau tafsirannya sekali. Mengikut Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986, semua teks Al-Qur'an yang hendak dicetak, diterbitkan atau diimport hendaklah disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Qur'an terlebih dahulu sebelum dicetak, diterbitkan atau diimport. Al-Qur'an dalam cetakan

satu-satu juzuk atau Al-Qur'an 30 juzuk lengkap dicetak bersama-sama tafsirannya banyak terdapat di pasaran sekarang. ini. Oleh itu adalah perlu supaya Al-Qur'an seperti ini juga disemak dan diluluskan oleh Lembaga bagi menjamin kesahihannya. Kuorum bagi sesuatu Lembaga Teks Al-Qur'an pada ketika ini mengikut Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 adalah seramai 9 orang daripada jumlah keseluruhan ahli seramai 15 orang. Ahli Lembaga adalah dilantik daripada kalangan mufti-mufti dan pegawai Hal Ehwal Agama Islam daripada negeri-negeri. Adalah dicadangkan supaya jumlah kuorum dikurangkan kepada 7 orang sahaja untuk memudahkan urusan mengadakan mesyuarat Lembaga.

Mulai Mac 1997 kerajaan telah menaikkan taraf Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Oleh itu pindaan sewajarnya perlu dibuat di bawah Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986, seksyen 3(2) bagi menyelaraskan keahlian Ketua Pengarah, Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang telah bertukar nama kepada Ketua Pengarah, Bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang dilantik sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Teks Al-Qur'an di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta Percetakan Teks Al-Qur'an 1986 adalah meliputi seksyen 2 iaitu dengan memperluaskan tafsiran perkataan 'dokumen' supaya meliputi ayat-ayat Al-Qur'an selain dari yang berbentuk lembaran kertas dan tafsiran perkataan 'teks Al-Qur'an' supaya dapat meliputi Al-Qur'an yang dijilid berasingan satu juzuk dan Al-Qur'an yang dicetak bersama terjemahan dan tafsirannya sekali.

Pindaan kepada seksyen 3(2) adalah dicadangkan bagi menyelaraskan nama 'Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri' yang telah dipinda kepada 'Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri'.

Pindaan kepada seksyen 3(8) adalah dicadangkan bagi mengurangkan mengenai kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga dari 9 orang kepada 7 orang.

Pindaan kepada seksyen 6(1) adalah dengan menambah perkataan ‘atau salinan asal’ supaya seksyen ini dapat meliputi bahan-bahan yang akan dicetak, diterbit atau dirakam.

Pindaan 13(1) adalah mengenai pewartaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato’ S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Percetakan Teks Al-Qur’an 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Marang.

## **5.29 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh kerajaan membuat pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dengan catatan teks Al-Qur’an.

Al-Qur’an adalah kitab suci umat Islam yang tetap dipersucikan oleh semua orang Islam termasuk mereka yang buta huruf Al-Qur’an juga mempersucikan Al-Qur’an. Walaupun kitab suci ini dijamin pemeliharaannya oleh Allah S.W.T seperti yang disebut di dalam Al-Qur’anul Karim yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan Al-Qur’an dan Kamilah yang memeliharanya”. Walaupun Al-Qur’an bukan sahaja dipelihara di dalam mushaf melalui tulisan, tetapi juga dipelihara di dalam hati-hati mereka yang menghafal. Dikatakan, walaupun seluruh kitab suci Al-Qur’an itu dibakar, ianya boleh ditulis

balik oleh mereka yang menghafal Al-Qur'an. Ini adalah satu pemeliharaan secara mukjizat di samping hukum-hukum dan ilmu yang terkandung di dalamnya tidak boleh dicabar oleh sesiapa pun dan mereka yang cuba mencabarnya akan kalah kerana segala fakta, segala kenyataan sama ada yang berkait dengan ilmu-ilmu wahyu ataupun yang berkait dengan sains dan teknologi adalah perkara yang tepat.

Namun demikian, menjadi tanggungjawab kepada kita untuk memelihara Al-Quran - Al-Quran yang dicetak. Bagi menambah pandangan kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan ini kerana ia lebih bersifat pindaan yang berbentuk teknikal. Saya ingin mengemukakan pandangan-pandangan yang patut diambil perhatian oleh kerajaan oleh kerana seluruh negara umat Islam mempunyai lembaga pengawas masing-masing. Saudi ada lembaga pengawas, Mesir, Pakistan dan termasuklah negeri-negeri yang terdapat minoriti orang Islam ada juga pertubuhan Islam yang mengawasi percetakan Al-Quran ini. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan kerjasama dengan Lembaga Pengawasan Percetakan dari negara-negara lain di kalangan umat Islam dan pertubuhan-pertubuhan Islam, ianya boleh di 'organise'kan oleh OIC dan oleh mana-mana pihak yang berkenaan supaya langkah yang diambil lebih kuat, lebih kukuh dan lebih bersifat seluruh dunia Islam.

Kedua, ahli lembaga ini saya mencadangkan supaya bukan sahaja ditentukan daripada kalangan mufti, pegawai dan lain-lain tetapi mestilah juga daripada mereka yang mempunyai keahlian dari segi ilmu Al-Quran, dari segi hafalan dan amanah mungkin kita tidak mempunyai seorang individu yang dapat merangkumi semua ilmu yang berkenaan. Ianya boleh dilakukan secara kolektif tetapi syarat-syarat itu hendaklah diambil kira oleh pihak kerajaan.

Ketiga, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut penambahan yang dibuat dalam pindaan ini ialah bukan sahaja kepada mushaf tetapi CD-Rom lain-lain lagi. Saya ingin juga menambahkan supaya pihak kerajaan juga hendaklah memberi pengawasan kepada mereka yang membaca

secara lisan dengan bacaan-bacaan yang salah, yang sengaja bukan tersalah, yang sengaja hendak membacakan Al-Quran secara salah dan untuk mengajar orang lain secara salah. Ini juga hendaklah dimasukkan ke dalam undang-undang ini.

Akhirnya, berhubung dengan Al-Quran yang salah cetak dan salah susun, ayat yang berlainan diletak dalam surah yang berlainan dan sebagainya yang telah diedar kepada orang ramai. Pihak kerajaan hendaklah bersikap tegas supaya Al-Quran - Al-Quran yang salah cetak ini ditaip balik. Diambil balik dan pihak kerajaan hendaklah mengambil tindakan kepada mana-mana yang mengedar Al-Quran yang hanya mengambil kira untuk mendapat keuntungan kewangan sahaja dengan tidak memelihara kesucian Al-Quran.

Saya rasa itulah tambahan-tambahan yang ingin saya kemukakan berhubung dengan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

### **5.34 ptg.**

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang di atas alu-aluannya apabila kita membentangkan pindaan ini.

Saya merasakan bahawa pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang merupakan pandangan yang boleh diterima oleh pihak kerajaan dan sekiranya didapati wajar ianya akan diambil kira untuk dilaksanakan. Misalnya cadangan untuk mengadakan kerjasama dengan negara-negara Islam yang lain melalui OIC. Cadangan untuk perlantikan ahli-ahli Lembaga selain daripada mufti juga ahli-ahli ilmunan pengawasan daripada mereka yang membaca secara salah dan Al-Quran yang salah cetak dan salah susun supaya ditarik balik dan dimusnahkan dengan cara yang terbaik. Ini semua akan diambil perhatian oleh kementerian dan akan dilaksanakan jika di dapati wajar dan sampai masanya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 -**

**5.36 ptg.**

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 1 Rang Undang-undang adalah dipinda dalam subfasal 1(1) dengan menggantikan perkataan '1997' dengan perkataan '1998', bertujuan untuk membetulkan kesilapan cetak.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah pindaan yang telah dikemukakan hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Fasal 1 Rang Undang-undang adalah dipinda -

*“Rang Undang-undang adalah dipinda dalam subfasal 1(1) dengan menggantikan perkataan ‘1997’ dengan perkataan ‘1998’”*

***The English translation is as follows:***

*“The Bill is amended in subclause 1(1) by substituting for the word ‘1997’ the word ‘1998’”*

**Fasal 1** seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 2 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN) 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.38 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang undang-undang bernama Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1997 yang ada pada masa sekarang ini telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998. Akta ini antara lain mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawal seliaan kenderaan perdagangan termasuklah kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan. Akta ini telah menubuhkan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ia memperincikan pengkelasan dan pelesenan kenderaan perdagangan prosedur rayuan kesalahan dan penalti.

Setelah berkuatkuasa kira-kira 10 tahun industri pengangkutan perdagangan telah mengalami perubahan yang besar. Pada masa ini umpamanya terdapat lebih 270,000 lesen kenderaan perdagangan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dan kerajaan merasakan demi untuk memperkemaskan lagi industri pengangkutan perdagangan ini beberapa pindaan perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, industri pengangkutan perdagangan ini perlu ditingkatkan kecekapannya oleh kerana beberapa isu telah berbangkit termasuklah yang dibangkitkan dalam media massa dan juga oleh orang ramai. Antara isu-isu utama yang dihadapi oleh industri ini termasuklah ketelusan yang dipertikaikan, proses yang mungkin tidak sistematik, bilangan pengusaha-pengusaha yang terlalu ramai dan penguatkuasaan yang kurang berkesan. Oleh kerana adanya kelemahan-kelemahan dalam akta yang sedia ada maka kerajaan telah membuat keputusan untuk meminda akta ini dengan harapan semoga lembaga dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa selaras dengan rungutan-rungutan daripada orang ramai dan juga pihak media massa mengenai tahap kecekapan perkhidmatan pengangkutan perdagangan negara kita, kerajaan telah pun melaksanakan beberapa pembaharuan. Umpamanya berkaitan dengan perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur, beberapa pembaharuan telahpun dilaksanakan. Penguatkuasaan kadar tambang sedang dilaksanakan dengan lebih ketat, uniform ataupun pakaian seragam telah pun ditetapkan, teksi-teksi adalah dalam keadaan yang lebih bersih. Ini adalah antara pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan bagi memperbaiki perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur.

Selain itu kita juga telah merangka beberapa tindakan untuk memperbaiki perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, umpamanya kerajaan telah mengambil

tindakan memperkemaskan perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dengan menggantikan perkhidmatan bas mini dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Intrakota. Kita menyedari bahawa masih ada lagi masalah-masalah yang berbangkit, tetapi yang penting kerajaan ingin menekankan bahawa perubahan-perubahan sedang dilakukan. Ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk membawa perubahan yang radikal dalam masa yang singkat, tetapi usaha-usaha telah dimulakan dan harapan kerajaan ialah dengan adanya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini maka perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan juga seluruh negara akan dapat diperbaiki lagi.

Satu isu lagi yang dibangkitkan baru-baru ini ialah mengenai perkhidmatan bas ekspres berikutan daripada kadar kemalangan yang tinggi dan lain-lain isu keselamatan yang berbangkit maka pihak kementerian telah pun memulakan usaha untuk mengumpulkan data maklumat yang lebih terperinci berkaitan dengan perkhidmatan bas ekspres. Hari ini terdapat lebih 5,000 bas ekspres di negara kita yang diusahakan oleh lebih 200 syarikat. Kerajaan sekarang ini sedang menyusun semula syarikat-syarikat bas ekspres ini supaya tidak berlaku pembaziran supaya kerugian besar yang dialami oleh beberapa syarikat akan dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan perdagangan di Malaysia. Pindaan yang saya cadangkan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya meliputi empat perkara:

- (i) untuk mewujudkan beberapa kelas baru dalam perkhidmatan pengangkutan perdagangan ini serta dengan memberikan beberapa definisi baru demi memperkemaskan tarif kelas-kelas perkhidmatan tertentu;
- (ii) untuk memberi kuasa baru kepada pegawai-pegawai Lembaga Pelesenan dan juga kepada pegawai-pegawai Penguatkuasa yang

lain membolehkan mereka menguatkuasakan peraturan undang-undang dengan lebih berkesan lagi;

- (iii) untuk memindahkan kuasa yang pada masa ini ada pada Lembaga kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu berkaitan dengan bas persiaran ataupun bas pelancongan; dan
- (iv) pindaan-pindaan ini meliputi cadangan untuk menambahkan denda daripada maksimum RM5,000 dan sekarang ini kepada maksimum RM10,000.

Itulah antara empat perkara utama yang kita cuba selesaikan dengan membentangkan pindaan kepada akta yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya memperincikan butir-butir pindaan yang dicadangkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 33 seksyen yang melibatkan pindaan, pemansuhan dan peruntukan-peruntukan baru. Cadangan-cadangan pindaan utama ialah seperti berikut:

Meminda beberapa tafsiran tertentu dan memasukkan tafsiran baru bagi perkataan tertentu yang digunakan dalam akta. Pindaan kepada tafsiran mengenai “bas berhenti-henti”, “bas ekspres”, “teksi mewah” dan “kenderaan perkhidmatan awam” serta “peringkat tambang” bertujuan memperjelas lanjut tafsiran sedia ada. Sebagai contoh, tafsiran “teksi mewah” di bawah akta pindaan ini ditambah muatan duduknya tidak melebihi tujuh orang, untuk mengambil kira perkembangan semasa industri kenderaan dan dikendalikan dari satu pangkalan tetap atau dalam kawasan yang dibenarkan berbanding dengan tafsiran lama iaitu muatan cuma enam orang dan tanpa menetapkan pangkalan atau kawasan pengendalian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tafsiran baru. Ada empat tafsiran baru yang dicadangkan:

(i) **“bas pengantara”**

Ini ialah untuk mengambil kira perkhidmatan bas sokongan daripada khususnya stesen-stesen LRT ke kawasan-kawasan perumahan untuk menyokong perkhidmatan sistem transit aliran ringan LRT dan juga perkhidmatan komuter.

(ii) **“bas pekerja”**

Yang akan merangkumi dua kelas pada masa sekarang ini, sekarang ini ada bas kilang dan kenderaan pekerja. Kedua-dua ini dicantumkan menjadi bas pekerja.

(iii) **“teksi lapangan terbang”**

Yang menyediakan perkhidmatan khusus untuk pergi ke dan dari lapangan terbang.

(iv) **“Setiausaha Lembaga Pelesenan”**

Untuk menjelaskan peranannya sebagai Setiausaha Eksekutif Lembaga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dua tafsiran ataupun kelas dimansuhkan. Yang pertama, “bas kilang” yang disebutkan tadi dan juga “kenderaan pekerja” dimansuhkan kedua-duanya digantikan dengan “bas pekerja”.

Yang kedua, “bas persiaran” yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sepertimana yang diputuskan oleh kerajaan. Kerajaan telah membuat keputusan, oleh kerana bas persiaran ini banyak melibatkan kerja-kerja Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan daripada Lembaga Pelesenan, kerajaan memutuskan untuk memindahkan kuasa ini yang dahulunya berada di tangan Lembaga kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya beberapa peruntukan baru diperkenalkan seksyen 1A mengenai pemakaian akta ini, iaitu “Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa kenderaan perdagangan yang tertakluk kepada mana-mana undang-undang berhubung dengan pelancongan atau industri pelancongan”. Tadi telah saya sebut berkaitan dengan bas persiaran yang dipindah kuasanya daripada Lembaga kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Peruntukan ini dimasukkan untuk mengambil kira keputusan kerajaan yang telah saya sebutkan tadi bahawa urusan bas persiaran dan juga kereta sewa dan pemandu berkaitan dengan keperluan industri pelancongan dipindahkan kepada kementerian berkenaan.

Seterusnya pindaan kepada seksyen 8A mengadakan peruntukan mengenai kuasa menteri melantik mana-mana pegawai daripada Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai pegawai Lembaga melalui pewartaan untuk melaksanakan tugas-tugas berhubung dengan Lembaga.

Subseksyen 19(1)(a)(viii) untuk menambah syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga ke atas satu lesen kenderaan perkhidmatan awam iaitu pemasangan mesin tiket pada kenderaan. Peruntukan ini diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengambil kira cadangan melaksanakan sistem pertiketitan bersepadu bagi semua kategori kenderaan pengangkutan awam yang sekarang dicadangkan dilaksanakan di Kuala Lumpur, apa yang dipanggil integrated ticketing system, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 19(1)(e)(vi) pula membenarkan Lembaga mengenakan syarat-syarat supaya pengusaha menempatkan kenderaan di suatu lokasi bagi memudahkan pemeriksaan.

Seterusnya, seksyen 20A mewajibkan pemegang lesen memperolehi kelulusan LPKP terlebih dahulu sebelum membuat sebarang perubahan dalam struktur perdagangan ekuiti atau Lembaga Pengarah Syarikat. Pada masa ini di bawah akta yang ada, pemegang lesen tidak perlu memohon kelulusan daripada

pihak lembaga, cuma mendapat kelulusan daripada Pendaftar Syarikat, itu sudah memadai. Mengikut pindaan yang dicadangkan, pemegang lesen juga perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga sebelum sesuatu perubahan dalam struktur pegangan ekuiti dapat dilaksanakan.

Seksyen 51A memberi kuasa kepada pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan dan pegawai Lembaga untuk menahan kenderaan yang disyaki melakukan pelanggaran syarat lesen bagi tujuan pemeriksaan.

Tuan Yang di-Pertua, berikut pula ialah pindaan-pindaan seterusnya kepada Seksyen 4, 5 dan 6 untuk menambah keanggotaan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung, Sabah dan Sarawak daripada 7 kepada 11 orang. Ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, wakil beberapa jabatan dan 6 orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengangkutan.

Seksyen 14(1), pindaan ini adalah untuk memberi peruntukan pembahagian lesen kepada 12 kelas kenderaan. Pada masa ini ada 13 jenis, dengan cadangan ini ada 12 kelas kenderaan iaitu 7 jenis bas, 2 jenis kereta sewa dan 3 jenis teksi. Menteri juga dibenar mewujudkan apa-apa jenis kelas lain bagi kenderaan perkhidmatan awam melalui kaedah-kaedah tertentu.

Seksyen 15(2) memberi tanggungjawab kepada pemohon pemegang lesen untuk mengemukakan maklumat lengkap kepada Lembaga sebagai maklumat dalam permohonan untuk mendapatkan lesen. Pada masa ini tidak ada peruntukan sedemikian, maklumat yang dikemukakan tidaklah begitu lengkap. Dengan adanya pindaan ini maka menjadi tanggungjawab kemestian kepada pemegang lesen untuk mengemukakan segala maklumat lengkap yang diperlukan oleh pihak Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 51(1), 51(2) adalah untuk memberi kuasa kepada pegawai Lembaga serta agensi penguatkuasa menyita kenderaan bagi kesalahan berhubung dengan pelanggaran syarat lesen dan 13 seksyen dan sub-seksyen iaitu 19(3), 22, 33, 34, 35, 36(2), 37(2), 38(2), 39(3), 40(4), 42(3) dan

44A(2) adalah untuk menaikkan kadar denda. Pada masa ini kadar denda adalah tidak melebihi RM5,000. Cadangan untuk meminda 13 seksyen ini akan menaikkan denda kepada tidak melebihi RM10,000 atau denda satu tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu, pindaan-pindaan ini juga mencadangkan had minimum denda sebanyak RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat beberapa kelemahan dalam Lembaga menjalankan tugasnya untuk menimbangkan permohonan mendapat lesen, juga kelemahan dalam penguatkuasaan memandangkan bilangan kenderaan perdagangan telah meningkat begitu banyak, saya sebut awal tadi, kepada lebih 270,000 permit yang telah dikeluarkan dalam 12 kategori adalah difikirkan wajar demi memperkemaskan Lembaga, semua 33 pindaan ini dilaksanakan. Harapan kita ialah dengan lulusnya pindaan-pindaan ini, maka kita akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan kerja-kerja penguatkuasaan akan dapat ditingkatkan.

Dalam pada itu, saya ingin menekankan bahawa undang-undang semata-mata tidak memadai untuk membawa perubahan. Kita membuat cadangan di sini, tetapi kalau pegawainya, kalau sistemnya lemah maka sudah pasti kerajaan tidak akan mencapai hasrat untuk membawa perubahan yang besar dalam industri pengangkutan.

Di Kementerian Pembangunan Usahawan, kita mempunyai azam yang tinggi untuk memperbaiki pengangkutan perdagangan di negara kita dan kita berharap bahawa perkembangan dalam perkhidmatan pengangkutan ini akan selari dengan kemajuan yang dicapai oleh negara. Kita sedar bahawa orang ramai mengharapkan perkhidmatan yang terbaik. Kita sedar bahawa banyak rungutan telah dikemukakan oleh orang ramai menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap kemudahan-kemudahan yang diberikan.

Maka dengan adanya pindaan ini serta pembaikan dalam pentadbiran dan dengan kerjasama orang ramai, kerajaan berharap bahawa kita akan dapat melihat,

menyaksikan perkhidmatan pengangkutan awam dan perdagangan yang lebih baik di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 sekarang dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Senai.

**5.55 ptg.**

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan yang dapat membentangkan satu rang undang-undang untuk membaiki kelemahan yang sedang kita hadapi atas perkhidmatan kenderaan perdagangan di dalam negara kita.

Dalam ucapan ataupun semasa Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan pada masa sekarang terdapat sejumlah 5,000 bas ekspres yang sedang menjalankan perkhidmatannya dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, bas ekspres sering kali terlibat dalam kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian. Oleh itu Kementerian Pembangunan Usahawan perlu memperkemaskan lagi aktanya untuk memastikan tindakan yang sewajarnya boleh diambil ke atas pemilik syarikat

yang basnya sering terlibat dalam kemalangan maut. Ini kerana prestasi sebuah syarikat banyak bergantung kepada pengurusannya. Sekiranya pihak pengurusan tidak mengambil berat ke atas isu-isu keselamatan penumpang bas ekspres, maka kemalangan jalan raya akan terus berlaku. Oleh itu tindakan tegas bukan sahaja perlu diambil ke atas pemandu bahkan juga pemilik syarikat sekiranya kemalangan habitue sering berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih kepada perkhidmatan bas berhenti-henti. Berhubung dengan bas berhenti-henti ingin saya memaklumkan perkhidmatan bas berhenti-henti di bandaraya Kuala Lumpur dan sekitarnya masih lagi pada tahap yang rendah. Tindakan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam menggabungkan syarikat-syarikat bas serta melupuskan perkhidmatan bas mini nampaknya tidak dapat meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan bas di kawasan Lembah Klang. Apa yang nyata sekali ialah perkhidmatan bas di Lembah Klang seringkali tidak mengikut jadual dan penumpang perlu menunggu tempoh yang lama dan tidak menentu. Bas yang dinaiki pula sesak dengan penumpang dan tidak selesa.

Kementerian Pembangunan Usahawan perlu mencari jalan untuk menaikkan lagi perkhidmatan bas memandangkan usaha yang telah diambil selama ini belum nampak hasil dan perkhidmatan pengangkutan bas pada masa kini masih lagi kurang baik jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang diberikan sebelum penggabungan syarikat-syarikat bas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan satu contoh. Baru-baru ini saya telah menerima satu aduan daripada seorang kawan baik saya. Beliau tunggu bas berhenti-henti di kawasan Damansara Utama untuk datang ke Pudu Raya untuk mendapatkan satu bas balik ke Johor Bahru. Beliau terpaksa menunggu di bus stop di Damansara Utama daripada sejak pukul 4.00 petang dan hanya dapat satu bas pada pukul 5.00 lebih. Apabila dia sampai ke Pudu Raya pukul 6.00 lebih, dia dapat satu bas ekspres balik ke Johor Bahru dan tiba di Johor Bahru pada pukul 10.30 malam.

Ini saya ingin menjelaskan perkara ini iaitu daripada Petaling Jaya ke Pudu Raya ambil masa satu setengah jam sedangkan daripada Kuala Lumpur balik ke Johor Bahru hanya ambil masa empat jam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bilangan dan frekuensi bas yang diperuntukkan untuk laluan tertentu perlu juga berdasarkan bilangan penumpang yang bergantung kepada perkhidmatan bas untuk menjalankan tugas harian mereka. Apa yang jelas kelihatan pada masa ini ialah syarikat bas hanya menyediakan bas pada laluan tertentu atau di taman-taman perumahan tertentu sekadar mencukupkan syarat menyediakan perkhidmatan bas. Sebuah bas digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada lebih daripada 5 taman perumahan memang pada dasarnya tidak praktikal langsung terutama pada waktu puncak. Ini menyebabkan masa perjalanan yang lebih panjang kerana bas tersebut perlu melalui banyak taman perumahan. Lagi pun banyak penumpang tidak dapat menaiki bas tersebut kerana ia telah penuh sejak awal-awal lagi. Apa gunanya ada perkhidmatan bas jika bas tersebut tidak dapat dinaiki oleh penumpang kerana ia sentiasa penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pihak pengurusan sepatutnya perlu mengambil ataupun menjalankan pemeriksaan mengejut supaya mereka sendiri faham apakah kesulitan dan kelemahan yang dihadapi oleh penumpang-penumpang. Saya fikir ini satu perkara yang penting. Jangan pihak pengusaha ataupun pihak pengurusan menunggu di pejabat hanya untuk menunggu hasil daripada pemandu-pemandu bas. Saya fikir sikap ini memang penting, mereka perlu faham dengan keadaan yang dihadapi oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan perlu juga mengkaji dengan mendalam agar pengusaha bas dapat membekalkan nisbah bilangan bas yang betul berpandukan kepada bilangan taman perumahan yang dilalui dan bilangan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada perkhidmatan teksi. Perkhidmatan teksi pada umumnya boleh dikatakan baik tetapi masih ada segelintir pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab, yang bersikap kasar kepada penumpang serta mengenakan tambang yang berlebihan. Kementerian Pembangunan Usahawan melalui LPKP perlu mengambil tindakan tegas untuk memastikan masalah ini tidak berleluasa di masa akan datang. Pendek kata Kementerian Pembangunan Usahawan tidak boleh teragak-agak untuk mengenakan sebarang tindakan tegas bagi membersihkan imej pemandu teksi yang suka mengambil kesempatan daripada penumpang.

Bagi mereka yang tidak berdisiplin ketika di jalan raya, tidak menggunakan meter dan mengenakan caj tambang yang berlebihan, tindakan perlu diambil. Apa yang perlu dikaji oleh Kementerian Pembangunan Usahawan ialah mengenakan tindakan yang tegas ke atas pemandu dan juga pemilik permit kerana tanggungjawab pemilik sebagai pengurus perlu memastikan tatakelakuan pemandu-pemandunya sentiasa baik.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya cadangkan supaya Kementerian Pembangunan Usahawan sentiasa mengadakan kursus-kursus untuk pemandu teksi

kerana dengan adanya akan membantu pemandu-pemandu teksi memastikan imej baik mereka sentiasa terpelihara. Untuk meningkatkan tahap perkhidmatan teksi, syarikat perlu juga menjaga kebajikan pemandu-pemandu yang memandu teksi mereka. Sistem yang dilaksanakan sekarang lebih merupakan sewaan di antara pemandu dan syarikat di mana pemandu terpaksa membayar sewa kepada pemilik permit setiap hari dan pemandu ini bukanlah pekerja syarikat dan hanya sekadar menyewa teksi sahaja.

Memandangkan hakikat ini, undang-undang perlu digubal untuk mewujudkan hubungan majikan dan pekerja di mana peruntukan perlu disediakan untuk memastikan pihak syarikat menjaga kepentingan dan kebajikan pemandu seperti caruman KWSP, latihan, kemudahan workshop untuk penyenggaraan kenderaan dan tabung kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang Senai juga satu perkara yang ingin saya bangkitkan. Baru-baru ini peruntukan lebih daripada RM85 juta telah dibelanjakan untuk menambah kemudahan di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai – di kawasan pilihan raya saya. Bangunan terminal baru yang baru siap dibina juga telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 9 April yang lalu. Dalam hubungan ini, ingin saya menyatakan perkhidmatan teksi di lapangan terbang terutama Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai perlu diberi perhatian dari aspek kemudahan kepada penumpang dari atau ke Singapura. Lokasi Lapangan Terbang Sultan Ismail yang strategik mampu memberi persaingan kepada Singapura di mana kita mampu menarik penumpang dari atau ke Singapura menggunakan lapangan terbang tersebut. Tambahan pula, dengan tambang MAS ke Johor Bahru yang lebih murah jika dibandingkan dengan penerbangan terus ke Singapura memang menjadi satu kelebihan kepada Lapangan Terbang Sultan Ismail. Hari ini hanya 5 buah teksi Lapangan Terbang Senai dan saya difahamkan mereka juga akan menghadapi masalah apabila mereka membaharui permit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail sebagai satu pusat pembangunan penerbangan di Selatan Semenanjung Malaysia, perkhidmatan pengangkutan awam di lapangan terbang yang efisien perlu diadakan untuk meng'compliment' pengangkutan udara. Kemudahan bas ekspres mahupun teksi yang memberi perkhidmatan dari Lapangan Terbang Sultan Ismail terus ke Singapura perlu diberi galakan sepenuhnya oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Ke arah ini dasar yang bakal digubal untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Lapangan Terbang Sultan Ismail perlulah lebih liberal agar tahap pengangkutan awam boleh dipertingkatkan. Dengan siapnya pembinaan projek hubungan kedua, Kementerian Pembangunan Usahawan juga perlu memberi galakan kepada kenderaan perkhidmatan awam terutama bas dan teksi menggunakan hubungan kedua untuk pergi ke Singapura dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya ingin saya menyatakan dasar Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menggabungkan syarikat-syarikat pengangkutan awam untuk dijadikan konsortium perlu dikaji semula. Tidak semua penggabungan syarikat-syarikat yang akan memberi manfaat economy of-scale, dengan izin, syarikat yang besar tidak semesti dapat beroperasi dengan memuaskan dan menguntungkan sekiranya saiznya bukan saiz optimum untuk pengoperasian yang menguntungkan. Oleh itu kajian yang mendalam perlu dijalankan bagi memastikan saiz syarikat yang digabungkan dalam sektor tertentu mempunyai kelebihan untuk mencapai minimum required economy of scale, dengan izin, sebelum keputusan mengenai penggabungan syarikat dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gelang Patah.

**6.08 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang keemasan kepada saya untuk membahaskan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum banyak usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik untuk pelancong-pelancong dari segenap pelosok dunia. Demi memberikan kenangan yang manis kepada para pelancong, kita bukan sahaja perlu mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perhotelan, malah pada masa yang sama kita juga perlu memastikan agar mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan di negara kita sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

Justeru itu, saya menyokong sepenuhnya segala usaha yang bertujuan untuk mempertingkatkan profesionalisme serta kecekapan sektor perkhidmatan kenderaan perdagangan negara ini, sebagaimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 1 April 1998 perkhidmatan bas mini dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjadi sejarah. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak pernah mendengar atau menyaksikan aksi segelintir pemandu bas mini yang cukup mendebarkan. Memang tidak dapat dinafikan perkhidmatan bas mini telah menawarkan kemudahan pengangkutan yang pantas kepada penduduk kotaraya Kuala Lumpur. Namun, kemalangan sering dilaporkan. Walaupun sekarang perkhidmatan bas mini telah dimansuhkan dan segala perkhidmatan bas di Kuala Lumpur telah dipertanggungjawabkan kepada Syarikat Park May dan Intrakota, terdapat bekas-bekas pemandu bas mini yang telah digaji oleh kedua-dua syarikat itu.

Saya berharap bekas pemandu-pemandu bas mini yang suka memandu dengan cara yang merbahaya dapat bertukar kepada cara memandu yang lebih

selamat ketika berkhidmat dengan syarikat-syarikat yang baru. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak Park May dan Intrakota untuk mengambil langkah yang sewajarnya mengingatkan para pemandu bas masing-masing supaya dapat menunjukkan cara memandu yang lebih bersopan santun dan lebih selamat agar harapan kita untuk mengubah imej perkhidmatan bas dalam kotaraya Kuala Lumpur dapat dijadikan kenyataan menjelang Sukan Komanwel yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana perkhidmatan bas mini, perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur juga sering menjadi sasaran pengecewaan banyak pihak. Antara aduan yang kerap dilaporkan termasuklah keengganan sesetengah pemandu teksi mengenakan caj mengikut bacaan meter dan juga amalan segelintir pemandu teksi yang enggan membawa penumpang ke tempat-tempat tertentu pada waktu-waktu tertentu. Meskipun aduan tersebut tidak melibatkan semua pemandu teksi, usaha tetap perlu diambil untuk memastikan bahawa kejadian sedemikian tidak berterusan.

Di samping memperketatkan penguatkuasaan undang-undang, program pendidikan yang berterusan juga perlu disusun oleh pihak kerajaan dan juga syarikat-syarikat pemilik teksi agar perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur bertambah cekap dan profesional. Sememangnya bukan sahaja imej perkhidmatan teksi Kuala Lumpur perlu diperbaiki, sektor perkhidmatan teksi di seluruh negara juga perlu berusaha ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada para penumpang tempatan dan juga kepada para pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bas persiaran juga merupakan salah satu aspek perkhidmatan kenderaan perdagangan yang perlu diberi penekanan sekiranya kita berhasrat membentuk satu iemj yang baru untuk perkhidmatan kenderaan perdagangan di negara ini seperti mana yang diperhatikan. Bilangan syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan bas jarak jauh telah bertambah dengan ketara beberapa tahun kebelakangan ini. Adalah wajar untuk pihak

berkuasa mengawasi dengan ketat pertumbuhan serta persaingan yang wujud di antara syarikat-syarikat perkhidmatan bas persiaran demi kepentingan para pengguna.

Proses pengeluaran lesen baru pada syarikat yang berminat menawarkan perkhidmatan bas persiaran perlu dilakukan dengan teliti agar lesen-lesen tersebut tidak disalahgunakan. Misalnya kini terdapat lebih 20 syarikat yang diberikan lesen menawarkan perkhidmatan bas persiaran di antara Kuala Lumpur dan Melaka dan terdapat beberapa syarikat telah diberikan lebih daripada satu lesen dan syarikat-syarikat ini telah menyewakan lesen-lesen lebih itu kepada pihak ketiga tanpa kelulusan pihak berkuasa. Dalam keadaan sedemikian, pihak berkuasa tidak mempunyai kawalan yang langsung ke atas pihak ketiga dan para penumpang mungkin menghadapi kesukaran untuk menuntut pampasan insurans ketika kemalangan sekiranya pihak ketiga ini tidak mengatur perlindungan insurans untuk para penumpang. Pendek kata, saya berharap pihak berkuasa dapat mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan berlakunya penyewaan lesen kepada pihak ketiga oleh syarikat-syarikat yang memiliki lebih daripada satu lesen untuk perkhidmatan bas persiaran.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang sering ditimbulkan oleh kenderaan-kenderaan perdagangan ialah pengeluaran asap hitam yang berlebihan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pihak berkuasa khasnya Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Alam Sekitar sering mengadakan operasi untuk memeriksa kenderaan-kenderaan perdagangan agar masalah ini dapat dikurangkan demi pemeliharaan kualiti udara dan juga kesihatan awam. Kita harus menyokong operasi-operasi sebegini. Walau bagaimanapun, saya berpendapat adalah wajar untuk mengingatkan para pegawai penguatkuasa supaya menjalankan tugas mereka

dengan adil dan munasabah. Ini memandangkan telah terdapat banyak aduan yang menyatakan para pegawai penguatkuasa cenderung untuk menekan minyak habis-habisan ketika memeriksa pengeluaran asap hitam daripada kenderaan-kenderaan perdagangan.

Dalam keadaan sebegini tentulah pembakaran yang sempurna tidak dapat berlaku ke atas bahan api yang digunakan oleh sesebuah kenderaan dan mengakibatkan pengeluaran asap hitam yang berlebihan yang sememangnya tidak terjadi dalam keadaan biasa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kenderaan-kenderaan perdagangan yang dapat kelulusan pengurangan 50% kadar lesen kenderaan motor bagi kenderaan berenjin diesel generasi baru seperti Isuzu, Toyota Hino, Mitsubishi dan Mazda yang diakui oleh SIRIM pun sentiasa dikenakan tindakan kompaun atau saman kerana pengeluaran asap hitam bila ditekan minyak habis-habisan oleh pegawai penguatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya amalan segelintir pegawai penguatkuasa yang kurang wajar ini harus diberhentikan. Memang benar, kita tidak dapat bertolak ansur dengan fenomena pembebasan asap hitam yang berlebihan daripada kenderaan tetapi pada masa yang sama, kita juga harus bersikap adil terhadap para pemandu atau pemilik-pemilik kenderaan perdagangan, hubungan yang baik perlu diwujudkan di antara pegawai penguatkuasa dan para pengoperasi perkhidmatan kenderaan perdagangan.

Kita perlu sedar bahawa sekiranya wujud banyak ketidakpuasan di kalangan pemandu-pemandu kenderaan yang menjadi mangsa perbuatan pegawai-pegawai

penguatkuasa yang tidak munasabah, para pemandu ini akan mengeluarkan perasaan tidak puas hati mereka kepada penumpang. Cuba kita bayangkan apa akan terjadi kepada imej Kerajaan Barisan Nasional dan juga negara sekiranya perbuatan para pegawai penguatkuasa yang berunsur penindasan ini sampai kepada telinga para pelancong. Oleh yang demikian, saya berharap para pegawai penguatkuasa yang terlibat dapat menghentikan amalan menekan minyak habis-habisan ketika menguji sama ada sebuah kenderaan perdagangan mengeluarkan asap hitam yang berlebihan dan sebaliknya menjalankan tugas dengan adil dan bertimbang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap dengan pemindaan akta ini dan dengan tambahan kuasa kepada pegawai dan tambahan denda, ia tidak akan mendatangkan banyak masalah penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai dan kita harap pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dapat mempertingkatkan tahap perkhidmatan kenderaan perdagangan dengan mengemaskinikan proses pengeluaran lesen dan menjalankan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai di bawah kementeriannya dan kementerian yang lain seperti polis, JPJ dan Jabatan Alam Sekitar dengan secara adil dan cukup ketelusan demi kepentingan dan usaha kenderaan perdagangan khasnya dan kepentingan orang awam amnya.

Dengan kata-kata yang demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bintulu.

**6.22 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Salah satu masalah yang kerap dihadapi oleh mereka yang memohon permit

kenderaan perdagangan ialah sesuatu permohonan itu terpaksa mengambil masa yang lama sampai berbulan-bulan lamanya. Kadang-kadang setelah berbulan-bulan lama dikemukakan untuk pertimbangan masih belum juga ada jawapan sama ada permohonan itu berjaya atau tidak. Ini amat dirasai oleh mereka bila mana Pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan tidak terdapat di bandar tempat tinggal mereka seperti di Bintulu. Mereka terpaksa pergi ke Kuching hanya untuk membuat susulan ke atas permohonan mereka, untuk ke Kuching menerusi jalan darat, mereka terpaksa mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hari - sepuluh jam perjalanan pergi dan sepuluh jam perjalanan balik termasuk satu hari urusan di pejabat lembaga.

Saya sukacita mendapati bahawa terdapat sebuah pejabat di Miri sekarang, tetapi masih susah juga bagi seseorang dari Bintulu yang membuat satu urusan untuk diselesaikan dalam sehari kerana untuk ke sana memerlukan tiga jam perjalanan pergi menerusi jalan darat dan tiga jam lagi untuk balik tidak termasuk beberapa jam yang terpaksa dihabiskan di pejabat lembaga bagi urusan pelesenan dan apabila terdapat sedikit masalah gangguan, mereka terpaksa bermalam di Miri. Itulah sebab pertimbangan khas hendaklah diberikan kepada mereka yang datang dari luar bandar yang terpaksa berjalan begitu jauh dan keletihan dengan membantu mereka apa yang diperlukan.

Walaupun ia akan memerlukan perbelanjaan tambahan tetapi memandangkan kepada kelebihan kerana tidak membuka pejabat tempatan di kawasan lain, pada masa ini terdapat hanya tiga orang staf yang bekerja di pejabat Miri dan ini tidak mencukupi berbanding longgokan kerja yang datang dari dalam

dan luar Miri. Sehubungan dengan ini, saya berharap sebuah pejabat tempatan akan boleh dibuka di Bintulu juga dan ini adalah sangat dihargai kalau pejabat itu dapat dibuka kelak.

Saya difahamkan bahawa banyak keputusan masih tidak boleh dibuat oleh pegawai-pegawai di luar Kuching dan terpaksa merujuk ke pejabat Kuching. Sebagai contoh, menukar dari satu kelas lesen kepada satu kelas lain, akibatnya staf yang bertugas mengenai permohonan itu terpaksa berhubung dengan pejabat di Kuching dan ini memerlukan masa yang lama, banyak masa habis begitu sahaja.

Pejabat Lembaga Pelesenan seharusnya dilengkapi ramai kakitangan berwibawa dan boleh menjalankan tugas dengan penuh kecekapan bagi mengejar masa supaya semua urusan berulang-alik yang perlu dapat dielakkan. Dalam tempoh ekonomi negara kita menurun masa kini, ramai pekerja yang sebelum ini dalam industri pembalakan dan pembinaan terpaksa diberhentikan dan kini sedang mencari pekerjaan di tempat lain bagi mendapatkan sara hidup, saya memahami bahawa kebanyakan mereka telah memohon permit yang berbeza dan saya berharap pihak lembaga patut meninjau keperluan mereka dalam hubungan dengan permintaan pasaran.

Saya harap pengeluaran lesen oleh lembaga tidak akan digunakan sebagai alat pilih kasih oleh sesetengah pihak dari parti-parti politik, tetapi menerusi kelayakan, keperluan dan profesionalisme pihak lembaga. Saya juga suka menarik perhatian kementerian tentang keperluan meninjau perkhidmatan pengangkutan di Sarawak supaya tidak sahaja keperluan penduduk dalam bandar diambil kira tetapi juga mereka yang tinggal di luar bandar patut juga dipenuhi. Perkhidmatan

pengangkutan perlu mengambil pertimbangan dengan menyediakan satu perkhidmatan yang komprehensif supaya sekurang-kurangnya rangkaian pengangkutan asas dan ekonomik ini disediakan bagi mereka yang tinggal di dalam dan di luar bandar.

Saya ingin merujuk rumah-rumah panjang sepanjang Jalan Tatau/Sibu dari Sungai Ai ke Pekan Tatau, pada masa ini tidak ada perkhidmatan pengangkutan berjadual ke kawasan tersebut dan ini menimbulkan kesulitan kepada penduduk-penduduk rumah panjang yang hendak pergi ke pekan Tatau. Saya pasti terdapat situasi begini di kawasan lain di Sarawak dan saya harap kementerian akan mengkaji dan memenuhi keperluan penduduk-penduduk di sana.

Mengenai isu yang selama ini memeningkan kepala para pemandu bas sekolah mini dengan tempat duduk 25 orang. Bas-bas berpintu automatik hendaklah beroperasi tanpa konduktor bas kerana kapasiti bas begitu kecil dan pemandu bas boleh mengawal pelajar-pelajar seperti kebanyakan van yang digunakan sebagai bas sekolah. Jika bas itu besar, maka konduktor itu perlu kerana kepastian tempat duduk dan saiz bas hampir dua kali ganda.

Saya harap anggota Lembaga Pelesenan hendaklah juga meliputi anggota-anggota dari orang awam terutama wakil-wakil persatuan yang ada kaitan dengan pelesenan motor supaya akan dapat saluran terus-menerus perhubungan dengan semua pihak yang berkaitan bagi memastikan semua aspek pelesenan akan disentuh supaya kepentingan orang ramai dan mereka yang memegang permit di samping pihak Lembaga Pelesenan akan dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Seremban. Yang Berhormat dari Seremban, sila sambung besok ya. *[Ketawa]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***